

Jilid IV
Bil. 1

Hari Isnin
7hb April, 1986



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Rajoo a/l Desari *alias* Govindasamy [Ruangan 13]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 13]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 27]

Mengangkat Sumpah (di Luar Dewan):

Tuan Ng Cheng Kiat
Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom
Tuan R. M. Jasni
Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat
Puan Mazidah binti Haji Zakaria
Puan Ainon binti Ariffin
Tuan Chan Chong Tak
Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan
Tuan Wong Kie Yik

[Ruangan 28]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 29]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 30]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 30]

KANDUNGANNYA—(samb.)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 31]**

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 104]

Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 105]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 106]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS,
P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR
MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T.,
P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE
YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN
DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K.
(Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).

- Yang Berhormat PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 7hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Rajoo a/l Desari *alias* Govindasamy.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 10hb Mac, 1986 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,

Alhamdu Lillaahi Rabbil Aalamin, Wassolaatu Wassalaamu Alaa Saiyidinaa Muhammadin Asyrafil Ambiyaa i Walmursalin Wa Al Aalihii Wasohbihii Ajmaiin.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur Kita ke hadrat Allah subhaanahu wa ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat bersama-sama dengan saudara saudari sekalian di Dewan yang mulia ini, bersempena dan Upacara Perasmian Penggal Keempat Parlimen Keenam pada hari ini.

Kita bersyukur ke hadrat Allah, kerana keadaan negara terus aman. Walaupun begitu, masalah pertumbuhan ekonomi negara yang lembab, menjadi cabaran utama kepada negara dan rakyat Malaysia. Tetapi dengan izin Allah, berkat kesungguhan Kerajaan dan kesabaran rakyat menghadapi segala cabaran, maka kesan-kesan yang lebih buruk telah dapat dielakkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun 1986 amat penting bagi negara kita, kerana tahun inilah bermulanya Rancangan Malaysia Kelima. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat, negara telah mencapai pertumbuhan ekonomi lebih kurang 6 peratus setahun. Ini membuktikan bahawa ekonomi negara kita adalah teguh jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk beberapa buah negara maju.

Bagi tahun 1986, keadaan ekonomi negara akan menghadapi berbagai cabaran. Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang memuaskan, kegiatan-kegiatan ekonomi mestilah dipesatkan dan semua pihak mestilah berusaha dari sekarang dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan dasar fiskal dan kewangan untuk memperbaiki keadaan ekonomi negara. Kerajaan akan terus memperbaiki keadaan sumber-sumbernya yang tidak seimbang dengan meningkatkan daya pengeluaran melalui usaha-usaha yang lebih cekap lagi. Dalam hubungan ini, Penswastaaan dan konsep Persyarikatan Malaysia akan terus dilaksanakan dengan lebih meluas.

Kerajaan memandang berat masalah pengangguran yang semakin meningkat. Beberapa langkah tertentu telah dan sedang diambil bagi mengatasinya. Di antaranya menyediakan peluang pekerjaan baru dengan melaksanakan pembinaan tambahan 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 hingga 1988, pembinaan jalan dan pembangunan pertanian, kerja-kerja pembinaan yang menggunakan ramai pekerja di kawasan-kawasan yang mundur dan kemudahan untuk sektor swasta mendapatkan tanah bagi maksud pertanian dan memajukan industri-industri kecil.

Kerajaan Kita akan terus mengamalkan dasar berjimat-cermat dan berhati-hati dalam menguruskan ekonomi negara. Dalam keadaan sekarang, sudah tentulah keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan adalah terhad. Suka Kita memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat demi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Bagi meninggikan taraf kehidupan rakyat, Kerajaan akan terus menambahkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik serta jalan raya, terutama sekali di kawasan luar bandar dan memperluaskan perkhidmatan pelajaran, kesihatan dan kebajikan serta telekom dan pos.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, usaha-usaha mengimbangkan perbezaan ekonomi antara kaum akan terus dilaksanakan. Dalam hal ini, rakyat semua kaum mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan pencapaian matlamat ini. Matlamat penyertaan Bumiputera dalam pemilikan saham di sektor syarikat akan lebih mudah dicapai sekiranya lebih ramai mereka yang layak menyertai Skim Amanah Saham Nasional. Kerajaan juga akan terus menyediakan peluang untuk memberi galakan kepada para usahawan Bumiputera, terutamanya para usahawan baru, supaya mereka dapat menyertai kegiatan ekonomi dalam bidang perdagangan dan perindustrian dengan lebih berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beberapa faktor telah menyebabkan kesan yang tidak baik ke atas harga barangan eksport utama negara kita. Untuk melindungi kepentingan negara, keutamaan akan diberikan kepada usaha-usaha penyelidikan bagi meningkatkan mutu dan daya pengeluaran serta mengurangkan kos pengeluaran. Kerajaan akan terus mencari

pasaran baru, memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan berusaha mendapatkan kerjasama negara-negara maju, mengurangkan sekatan tarif dan bukan tarif terhadap barangan utama kita.

Perancangan bagi sektor perindustrian akan terus diperkukuhkan. Industri pembuatan akan kekal sebagai tenaga penggerak utama. Pelan Induk Perindustrian mengandungi strategi-strategi yang perlu diambil serta jenis-jenis industri yang patut diberi keutamaan untuk pembangunan perindustrian negara. Strategi-strategi ini bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas bagi pembangunan industri perkilangan di Malaysia. Berbagai langkah telah diambil untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara kita serta menggalakkan pelaburan tempatan. Kerajaan juga akan memberi tumpuan dan keutamaan terhadap perkembangan industri-industri kecil di luar bandar.

Di sektor pertanian, tumpuan utama akan diberi kepada pelaksanaan Dasar Pertanian Negara bagi mewujudkan aktiviti perladangan bercorak komersial, khususnya melalui perladangan berkelompok. Peluang dan galakan pertanian disediakan bagi menarik pihak swasta untuk sama-sama membangunkan sektor pertanian, khususnya dalam pengeluaran bahan-bahan makanan utama yang diperlukan oleh negara. Seterusnya, peranan kredit pertanian akan diperkemas, dipertingkat dan diperluaskan.

Pada bulan hadapan, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan PATA. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk menarik lebih ramai lagi para pelancong. Sumbangan dari industri pelancongan yang lebih berkesan kepada pertumbuhan ekonomi boleh dicapai dengan adanya usahasama antara sektor swasta dan awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam keadaan ekonomi sekarang, kita mestilah bersedia untuk berkorban demi masa hadapan negara. Kita perlu bekerja keras dan berjimat-cermat seberapa yang boleh serta menyesuaikan corak hidup kita dengan keadaan yang berubah. Kelembapan ekonomi negara janganlah melemahkan semangat dan azam kita untuk membina Malaysia yang aman, makmur dan maju.

Negara kita masih lagi menghadapi masalah penyalahgunaan dadah. Kerajaan telah mengadakan Rancangan Bertindak Anti Dadah bagi menyedarkan generasi muda, ibubapa dan masyarakat umum mengenai bahaya dadah. Ini telah mendatangkan kesan yang menggalakkan dan Undang-undang yang berkaitan dengan dadah akan terus dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

Walaupun ancaman penganas komunis terkawal, Kita amat dukacita kerana negara menghadapi masalah penyalahgunaan agama untuk kepentingan peribadi, kepentingan politik dan kepentingan golongan tertentu. Mereka bukan sahaja menyebarkan fahaman yang sempit dan ajaran salah, malahan juga menghasut rakyat membenci dan menentang Kerajaan secara kekerasan. Tindak-tanduk mereka bukan sahaja mengancam keselamatan negara bahkan merugikan umat Islam sendiri. Suka Kita menegaskan bahawa Kerajaan bertanggungjawab untuk mengawasi dan menentang ancaman yang berpunca dari sikap melampau dari mana-mana pihak sekalipun. Umat Islam mestilah menghayati ajaran Islam berpandukan kepada Al-Qur'an dan Hadis. Seterusnya, suka Kita mengingatkan umat Islam supaya mematuhi fatwa-fatwa dan arahan-arahan oleh pihak berkuasa sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Manakala pegawai-pegawai agama

yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Islam mestilah menjalankan tugas dengan jujur, amanah, dedikasi dan berani dalam menegakkan kebenaran untuk menghapuskan kegiatan penyalahgunaan agama.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Perpaduan rakyat dan integrasi nasional tetap menjadi matlamat utama Kerajaan dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Suka Kita mengingatkan semua parti-parti politik, terutama pucuk pimpinan, supaya tidak memperalatkan isu-isu perkauman dan agama semata-mata untuk tujuan mendapatkan sokongan. Para pemimpin di semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha dengan ikhlas menghapuskan apa juga masalah yang boleh memecah-belahkan perpaduan. Dengan cara ini, segala prasangka, hasad dengki, menabur fitnah dan menghasut serta mencabar pihak berkuasa dapat dihapuskan daripada masyarakat kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan kepentingan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara, Malaysia mengamalkan dasar luar negeri yang cergas, proaktif, bebas dan berkecuali. Kerjasama ekonomi, sosial dan juga politik di kalangan anggota ASEAN akan terus dipertingkatkan.

Dalam menghadapi cabaran ekonomi dunia sekarang, dasar luar negeri kita akan menitikberatkan peranan ekonomi sebagai langkah memperkuat usaha-usaha di dalam negeri. Bersama-sama rakan-rakan dalam ASEAN kita akan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian politik dalam masalah Kampuchea dan untuk mencapai hasrat mewujudkan ZOPFAN dengan secepat mungkin. Kerajaan Kita akan terus meningkatkan usaha ke arah perpaduan ummah melalui hubungan dua hala dengan negara-negara Islam dan sokongan terhadap kegiatan dan matlamat Pertubuhan Persidangan Islam.

Kerajaan Kita juga akan terus aktif dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensi-agensi antarabangsa yang lain. Usaha-usaha akan diteruskan ke arah penyelesaian masalah Afghanistan dan masalah Palestin serta menjadikan Antartika sebagai Warisan Bersama Manusia. Mengenai dadah pula, Malaysia akan terus mengambil peranan yang giat dan penting di peringkat antarabangsa dalam usaha mendapatkan perhatian dan kerjasama untuk memerangi penagihan dan pengedaran dadah. Malaysia juga sedang mengambil peranan utama dalam penyediaan untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah di Vienna pada bulan Jun tahun hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Walaupun kita sekarang sedang menghadapi berbagai cabaran, Kita yakin di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Kita, Insya Allah Kita akan dapat mengatasi segala cabaran tersebut dengan bekerja keras, bersatupadu dan amanah serta sokongan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur, maju dan bermaruah.

Akhirnya, Kita juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat Kita yang turut memberi sumbangan dalam bidang masing-masing kepada kemajuan dan kesejahteraan negara. Tahniah juga Kita ucapkan kepada anggota-anggota Kerajaan Kita atas perkhidmatan yang

disumbangkan, termasuk anggota-anggota perkhidmatan awam yang setia melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan. Kita juga menyanjung tinggi akan pengorbanan para anggota Angkatan Tentera dan Polis dalam mempertahankan kedaulatan dan menjamin keselamatan negara, seterusnya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membangun dan memakmorkan negara Malaysia.

Wabillahit Taufik Walhidaayah,

Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

The translation in English is as follows:

In the name of Allah, Most Beneficent, Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe, and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Members of Dewan Negara and Members of the Dewan Rakyat.

I thank Allah, The Almighty, for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the Fourth Session of the Sixth Parliament today.

I thank Allah for our nation has continued to be peaceful. However, the slow growth of our economy, has been the main challenge to the people and the nation. With the grace of Allah, the Government's perseverance and the people's resilience in facing all challenges, the more adverse effects have been avoided.

Honourable Members,

1986 is a very important year for our nation, for this is the year of the commencement of the Fifth Malaysia Plan. During the Fourth Malaysia Plan period, the rate of growth of our economy was about 6% per annum. This proves that our economy is strong, compared to that of other countries, including that of some developed countries.

In 1986, our economy may face many challenges. To attain a satisfactory rate of economic growth, economic activities must be activated and all concerned must from now onwards gear up their endeavour. At the same time, the Government will implement fiscal and financial policies to improve the economy. The Government will continue to correct its resource imbalances by increasing productivity through more efficient and productive means. In this respect, Privatisation and Malaysia Incorporated will be implemented more widely.

My Government considers growing unemployment as a serious problem. several steps have been and are being undertaken to overcome this problem. They include the construction of an additional 80,000 units of low cost houses yearly for the period during 1986 to 1988, the building of roads, the development of agriculture, the creation of labour intensive construction works in the less developed areas, and facilities for the private sector to obtain land for agricultural purposes and for developing small industries.

My Government will continue to observe austerity and prudence in managing the economy. In the present situation, the Government has limited capacity to implement development projects. However, I would like to give the assurance that the Government will continue to accord high priority to projects for the eradication of poverty to upgrade the standard of living of the people in the quest for achieving the objectives of the New Economic Policy.

To elevate the quality of life, the Government will continue to provide basic amenities such as piped water, electricity, facilities such as roads especially in the rural areas, and the expansion of education, health, welfare, telecommunication and postal services.

With regard to the restructuring of society, efforts to correct the economic imbalances among the ethnic groups will continue to be implemented. In this respect, all ethnic groups will have to play their respective roles to ensure the achievement of this goal. The target of Bumiputera participation in the ownership of shares in the corporate sector will be made easier if more eligible Bumiputera are involved in the National Investment Fund Scheme. The Government will continue to provide opportunities to encourage Bumiputera entrepreneurs, especially those who are new, to participate effectively in commerce and industry.

Honourable Members,

A number of factors have caused adverse effects on the prices of our primary export commodities. To safeguard our interest, priority will be accorded to research and development to increase quality and productivity and to minimise production cost. The Government will continue to explore new markets, strengthen those already existing and seek co-operation among the developed countries for the reduction of tariff and non-tariff barriers on our commodities.

The planning of the industrial sector will further be enhanced. The manufacturing sector will remain as the prime motivator. The Industrial Master Plan consists of appropriate strategies to be adopted and types of industries to be given priority in the industrial development of the country. These strategies are aimed at providing a clearer for the development of the manufacturing industry in Malaysia. Various steps have been taken to attract more foreign investment and to encourage local investment. The Government will also direct equal emphasis and priority to the expansion of small industries in the rural areas.

In the agricultural sector, the main focus will be on the implementation of the National Agriculture Policy which is to create activities based on commercial farming, in particular group farming. Opportunities and incentives will be provided to promote the joint participation of the private sector in developing the agricultural sector, particularly in the production of the country's main food items. Accordingly the role of agricultural credit will be upgraded and its scope widened.

Next month, Malaysia will be the host to the PATA Conference. This gives Malaysia the opportunity to further promote tourism. Effective contribution to economic growth from the tourism industry could be achieved through joint cooperation between the private and the public sectors.

Honourable Members,

In the present economic situation, we must be prepared to sacrifice for the future. We need to struggle, be thrifty and be able as far as possible to adapt our life style to changes. The slow down in our economy should not weaken our spirit and our will to build a peaceful, prosperous and progressive Malaysia.

Our country is still facing a serious problem of dadah addiction among our youth. The Government has formulated an Anti Dadah Action to caution the younger generation, the parents and the society as a whole on the danger of dadah. This has brought encouraging result. Laws related to dadah will continue to be enforced justly.

Although the communist threat is under control, I am very unhappy that the country is confronted with the problem of misuse of Islam by individuals and groups for their personal and political ends. They do not only spread narrow beliefs and false teachings but also instigate the people to hate and act against the Government through violence. Their misdeeds will not only be a threat to national security but also a detriment to the ummah. I would like to stress that it is the Government's responsibility to control and counter any threat of extremism. All Muslims must practise faithfully the teachings of Islam based on Al-Qur'an and Hadis. I would like to remind all Muslims to obey the Islamic rulings and directives of the authorities as required in Islam. Officers responsible over Islamic affairs must be trustworthy, sincere and dedicated in discharging their duties and courageous in combating activities which misuse Islam.

Unity and national integration will always remain the primary objectives of the Government in the process of national development. I call upon all political parties particularly their leaders not to use racial and religious issues to gain support. Leaders from all levels in the society must strive sincerely to overcome any problem that can cause disunity. In this way, negative traits such as prejudice, jealousy, slander, provocation against and defiance of the authorities could be eliminated from our society.

Honourable Members,

Consistent with our interest in protecting the security and independence of the country, Malaysia practises a vigorous, proactive, independent and non-aligned foreign policy. Co-operation amongst ASEAN members in the economic, social and political fields will continue to be enhanced.

In facing the challenges of the present world economic situation, we will emphasise the economic aspect of our foreign policy as a step in strengthening economic efforts in the country. Together with our ASEAN friends, we will continue to work with determination to seek a political solution to the Kampuchean problem, and to achieve the objective of establishing ZOPFAN as soon as possible. Our Government will continue to intensify efforts towards achieving greater solidarity amongst the Islamic countries through bilateral relations and support the activities and objectives of the Organisation of Islamic Conference.

Our Government will also continue to be active in the Non-Aligned Movement, the United Nations and other international agencies. Efforts will continue towards settling the problem in Afghanistan and the Palestinian problem, as well as turning

Antartica into a common heritage of mankind. On the dadah problem, Malaysia will continue to play an active and important role at the international level in our effort to seek international attention and co-operation to combat the problem of dadah abuse and illicit trafficking. Malaysia plays a leading role in preparations for the convening of the International Conference on Drug Abuse to be held in Vienna in June next year.

Honourable Members,

Although at present we are facing several challenges, I am confident that under the leadership of Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohammad, my Prime Minister, we will, God willing overcome all challenges through hard work, unity, trust and the people's undivided loyalty to the Government for a peaceful, prosperous, progressive and dignified Malaysia.

Finally, I also take this opportunity to thank all Malaysians for their contributions in their respective fields towards the progress and well being of the nation. I would like to congratulate the members of the administration for their services, including those in the civil service who have discharged their duties efficiently and effectively. I also hold with high esteem the sacrifices of the members of the Armed Forces and the Police in defending the sovereignty and safeguarding the security of the nation and of the members of the Dewan Negara and the Dewan Rakyat who have carried out their role and responsibility in the development and progress of the nation.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Ketiga Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1985;
2. Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985;
3. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985;
4. Akta Orang-orang Papa (Pindaan) 1985;
5. Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985;

6. Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985;
7. Akta Bank (Pindaan) 1985;
8. Akta Perbekalan 1986;
9. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985;
10. Akta Kewangan (No. 2) 1985;
11. Akta Bank Islam (Pindaan) 1985;
12. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985; dan
13. Akta Dagangan Komoditi 1985.

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya

pada tarikh-tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

1. Y.B. Tuan Ng Cheng Kiat pada 6hb Januari, 1986;
2. Y.B. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom pada 18hb Februari, 1986;
3. Y.B. Tuan R.M. Jasni pada 18hb Februari, 1986;
4. Y.B. Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat pada 18hb Februari, 1986;
5. Y.B. Puan Mazidah binti Haji Zakaria pada 18hb Februari, 1986;
6. Y.B. Puan Ainon binti Ariffin pada 18hb Februari, 1986;
7. Y.B. Tuan Chan Choong Tak pada 18hb Februari, 1986;
8. Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan pada 18hb Februari, 1986; dan
9. Y.B. Tuan Wong Kie Yik pada 26hb Februari, 1986.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

“4hb April, 1986

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985); dan
2. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan).

Yang ikhlas

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985); dan
2. Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ada 52 pertanyaan dan jikalau ada pertanyaan tambahan—saya memberitahu sekarang, saya boleh mempersetujui hanya dua soalan sahaja—tidak lebih daripada itu. Oleh kerana ada 52 pertanyaan di sini, jadi kita seberapa boleh memberi peluang seberapa banyak soalan untuk dijawab di Dewan ini.

PASUKAN SUKARELAWAN POLIS

1. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memperbesarkan Pasukan Polis Sukarela (Police Volunteer Reserve) di setiap bandar besar dan kecil, pekan-pekan dan kawasan-kawasan perumahan, memandangkan kepada peningkatan kadar kes-kes jenayah di tempat-tempat tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang mempunyai cadangan untuk memperbesarkan Pasukan Sukarelawan Polis yang ada pada masa ini. Satu kajian telah dibuat pada akhir tahun 1981 tetapi ianya tidak dapat diluluskan kerana kekurangan peruntukan kewangan dan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan ketika ini.

Walau bagaimanapun, cadangan ini akan dikaji semula mengikut keperluan dan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin tahu pada masa sekarang ini berapa ramai Pasukan Polis Sukarela yang ada di Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perjawatan Pasukan Sukarela Polis ketika ini adalah seramai 2,850 orang. Walau bagaimanapun, sebenarnya kekuatan Pasukan tersebut hanya terdapat 1,874 orang, bermakna terdapat kekosongan seramai 976 orang.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sekarang taraf Polis kita adalah soal kita sekarang. Kalau rumah kita sudah kena curi, bila telefon kepada Polis, pertama sekali dia tanya adakah orang lagi di sana; berapa barang sudah hilang; pukul berapa ianya hilang. Inilah antara soalan-soal yang ditanya oleh Balai Polis kita. Macam manalah rakyat negara kita boleh senang hati duduk dalam negara kita. Inikah taraf Polis negara yang kita harap boleh dapat jalankan tugas dengan sempurna. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu macam mana kita boleh dapat kawal negara dan rakyat kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal adalah bersangkutan-paut dengan Pasukan Polis Sukarelawan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yes, Polis Sukarela. I don't think there is any connection. That is a Police Volunteer Force. If you like to ask, you can put it down in writing, but not today, it is not relevant, dengan izin. (*Ketawa*)

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, ini kena mengena.....

Tuan Yang di-Pertua: Will you please sit down! Minta maaf, ianya tidak ada relevant dalam pertanyaan itu. Jadi saya tidak setuju dengan soalan tambahan itu.

EKONOMI NEGARA— KEDUDUKAN

2. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan keadaan ekonomi negara pada masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara pada masa ini mengalami permintaan luar negeri yang lembab. Hakikat ini telah menyebabkan harga-harga eksport barangan utama Malaysia jatuh. Akibatnya ialah nilai eksport Malaysia pada bulan Januari 1986 telah berkurangan kepada \$2,997.2 juta iaitu 13.9% lebih rendah dari nilai eksport pada bulan Januari tahun lalu.

Akibat dari permintaan dari dalam dan luar negeri yang lebih lembab, sektor perkilangan dan pembinaan telah memperlakan pengeluaran dan kegiatan mereka. Pengeluaran pertanian juga dijangka akan berkembang dengan lebih perlahan tahun ini akibat harga barangan yang kurang menggalakkan.

Hanya sektor perlombongan dijangka meningkat pengeluarannya hasil dari peningkatan pengeluaran petroleum mentah dan gas. Oleh itu ramalan terbaru pertumbuhan ekonomi sebenar tahun ini dijangka pada kadar 3.3%.

Memandangkan kebanyakan sektor ekonomi telah memperlakan kegiatan pengeluaran mereka, lebih kapasiti loji-loji di sektor-sektor perkilangan dan pembinaan telah berlaku. Jumlah pengangguran juga telah bertambah. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang lebih perlahan telah membolehkan pengurangan nilai import sebanyak 21.7% kepada \$2,148.5 juta pada bulan Januari, 1986, apabila dibandingkan dengan nilai import pada bulan Januari, 1985.

Ini telah membolehkan tercatatnya lebih dalam imbangan perdagangan sebanyak \$848.7 juta pada bulan Januari, 1986.

Untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi semasa seperti pertumbuhan ekonomi rendah, pengangguran, lebih kapasiti loji dan defesit akaun semasa imbangan pembayaran, Kerajaan telah bersetuju dengan perakuan bagi melaksanakan 48 cadangan yang dikemukakan oleh Pasukan Petugas Mengenai Kemelesetan Ekonomi. Dengan terlaksananya cadangan-cadangan ini, adalah dijangkakan kegiatan ekonomi dalam negeri dapat dipertingkatkan dan lebih banyak lagi peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Di samping itu, keyakinan terhadap iklim pelaburan di negeri ini dapat diperbaiki lagi.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, sejak hasil-hasil keluaran negara kita telah turun harganya termasuklah minyak sendiri dan juga kelapa sawit, bijih dan sebagainya, berapa banyakkah negeri kita telah mengalami kerugian jika dibandingkan dengan masa-masa sebelumnya?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan statistik ini, saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat itu.

PROTON SAGA—PASARAN DI LUAR NEGERI

3. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kereta Proton Saga telah dipasarkan di luar negeri. Jika ya, nyatakan negaranya dan bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual ke negara tersebut.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Proton masih belum lagi memasarkan keretanya di pasaran luar negeri. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 28 buah kereta Proton Saga yang telah pun dibawa ke luar negeri sama ada dibeli oleh mereka yang sangat berminat ataupun dihadiahkan. Taburan kereta Proton Saga di luar negeri pada masa ini adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Unit</i>
Indonesia	1
Jepun	2
Sri Lanka	1
Republik Rakyat China	10
United Kingdom ..	2
Brunei	10
Kanada	2

Proton kini telah menerima pertanyaan daripada 80 buah syarikat daripada 33 buah negeri yang telah menunjukkan minat untuk mengimport kereta Proton Saga.

Tuan R. M. Jasni: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, apakah benar mengikut pendapat beberapa orang, terutama apabila kita mendengar pendapat dari kedai kopi, yang mengatakan body Proton Saga ini lembut?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya besi yang digunakan untuk membuat Proton Saga ini adalah jenis besi yang setanding dengan lain-lain besi yang digunakan untuk perusahaan membuat kereta atau kenderaan ini. Besi waja, besi keluli yang digunakan di kilang kita itu sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah nampak semasa kita melawat di situ, adalah mutunya

yang tertinggi yang mana pada ketika ini berasal dari Mitsubishi yang juga adalah separuh pemegang ekuiti di dalam Syarikat Proton itu. Sungguhpun besi ini pada ketika ini masih lagi kita beli dari luar negeri, tetapi adalah diharapkan pada satu masa kelak kita akan dapat mengeluarkan besi terutama sekali dari PERWAJA Sdn Bhd di Terengganu untuk mengeluarkan keperluan membina kereta ini pada masa-masa akan datang.

Kesimpulannya ialah, sebenarnya body ataupun badan kereta ini cukup baik dan cukup kuat dan besi yang digunakan ialah besi yang sekeras-keras sebagaimana yang diperlukan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, adakah benar bahawa negara-negara yang memesan Proton Saga itu, mereka hanya untuk menggunakan sebagai teksi sahaja, bukan sebagai kereta persendirian?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kita berkecimpung di dalam industri perusahaan kereta ini adalah untuk membuktikan yang rakyat Malaysia melalui Kerajaan yang telah menaja syarikat Proton pada ketika ini, tetapi secara tidak langsung akhir-akhirnya rakyat juga menggunakan buah fikiran dan kemahirannya di belakang hari untuk meneruskan perusahaan ini iaitu untuk menunjukkan bahawa kita rakyat Malaysia berkemampuan dan berkebolehan untuk memasuki bidang perindustrian membuat kereta ini.

Tujuan kita adalah untuk memasarkan kereta Proton Saga ini seluas-luasnya kepada semua golongan yang mampu dan rela membeli kereta Proton Saga ini bukan sahaja di dalam negeri seperti yang saya katakan tadi tetapi di masa-masa

akan datang kita harap yang kita akan meneroka pasaran luar negeri seberapa yang boleh.

Sebenarnya di Syarikat Proton pada masa ini telah pun menubuhkan satu bahagian khusus untuk mengkaji dan meninjau kemungkinan dan di mana dia pasaran-pasaran yang boleh kita terokai di luar negeri kelak. Pada kesimpulannya, kereta ini bukanlah khusus untuk teksi sahaja walaupun itu sangat baik.

Semalam saya nampak satu teksi Proton Saga dan dia jalan cukup laju sehingga dia memotong-motong lain-lain kereta di jalan. Semalam juga Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bila kita mengadakan "Pre Council" Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan Proton Saga dan dia sendiri memandunya.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat soalan ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Pada awal tadi saya cuma bersetuju dua soalan tambahan sahaja.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Saya sudah bangun dua kali untuk mendapatkan perhatian Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin soalan saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, sekali ini sahaja saya benarkan. Sudah terbalik arahan saya.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Saya menganggap perkara ini sebagai satu perkara yang besar, kerana kita mengharapkan bahawa pelaburan untuk Proton Saga ini adalah terlalu banyak dari segi jumlah wangnya dan harapan kita terhadapnya adalah begitu tinggi dan kita daripada awal lagi mengharapkan bahawa pasaran luar adalah satu caranya untuk memastikan Proton Saga ini satu pelaburan yang wajar dari segi ekonomi.

Soalan saya berkaitan dengan jawapan Menteri tadi adalah seperti berikut:

- (1) Adakah ianya disebabkan masalah teknikal sebegitu rupa sehingga pasaran dunia terutama sekali pasaran di Eropah sana tidak mengizinkan kereta Proton Saga itu dieksport untuk pasaran-pasaran tersebut? Adakah ini menandakan kelemahan atau ianya membuktikan tentang tiada keinginan negara-negara tersebut untuk menerima keluaran buatan seperti Proton Saga daripada negara-negara yang membangun?
- (2) Saya bertanya sejauh manakah keupayaan kita pada masa yang akan datang untuk mengatasi masalah perlindungan tarif yang makin lama meningkat di pasaran-pasaran dunia, terutama sekali di Eropah dan sebagainya?
- (3) Akhirnya, saya ingin bertanya jika sekiranya Mitsubishi itu adalah satu kawan kita dari segi pengeluaran Proton Saga untuk pasaran domestik, mengapakah tidak Mitsubishi itu menjadi kawan kita untuk memasarkan motokar di luar negeri kita. Adakah ini bermakna bahawa Mitsubishi itu seteru atau musuh kita dari segi pasaran antarabangsa dalam bidang pengeluaran motokar?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bahagian pertama, itu masalah teknikal, sungguhpun ada serba sedikit yang perlu diubahsuaikan mengenai Proton Saga kita ini apabila kita pasarkan di luar negeri. Tetapi mengikut kajian yang telah kita buat setakat ini, ini boleh diatasi mahupun pasaran di Western Europe, dengan izin, ataupun di Amerika Syarikat.

Tetapi perlu dibuat juga aspek-aspek pengubahsuaian teknikal itu, tetapi boleh diatasi.

Yang kedua, berupaya meneroka pasaran dunia kerana protectionism, dengan izin, semua negara membangun menghadapi masalah protectionism ini dan apabila kita mula memasarkan di luar negeri kenalah kita berfikir dan mencari jalan untuk mengatasi seberapa bolehnya protectionism ini, misal kata Perjanjian Dua-hala Counter-trade dan sebagainya.

Yang ketiga, mengenai dengan Mitsubishi, setakat ini dari mula sehingga sekarang syarikat yang mempunyai ekuiti juga di dalam pembinaan Proton Saga ini telah menunjukkan kejujuran mereka dan kita memang menganggap yang mereka ini adalah *bona fide* pemegang ekuiti dengan kita di dalam perusahaan kita ini. Kita juga berharap di masa akan datang yang mereka akan turut serta membantu kita dalam memasarkan kereta Proton Saga ini di luar negeri terutama sekali misal kata di negara Jepun.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—RANCANGAN

4. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa memandangkan kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk membina sebanyak 80,000 rumah awam kos rendah bagi setiap tahun mulai dari 1986 hingga 1988 sudahkah Kerajaan mengambil tindakan untuk merancang dengan terperinci untuk melancarkan rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat 80,000 unit rumah kos rendah setahun untuk 3 tahun mulai tahun 1986 ini, Kerajaan

telah dan sedang merangka tindakan yang terperinci dan sesuai bagi menentukan kejayaan program khas ini. Di antara tindakan-tindakan yang diambil termasuklah:

- (1) Mewujudkan satu sistem penyelarasan yang berkesan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti.
- (2) Jawatankuasa utama telah pun ditubuhkan di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi tujuan ini. Semua Kerajaan Negeri telah juga menubuhkan jawatankuasa dengan maksud yang sama di peringkat Negeri. Keduanya menggalakkan penyertaan sektor swasta secara lebih aktif lagi dalam pembinaan rumah kos rendah dengan cara mempermudah proses-proses pembangunan perumahan seperti penubuhan Pusat Serenti di semua negeri dan sebagainya.
- (3) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam bentuk bridging and end-financing, dengan izin, bagi menjayakan program khas ini.
- (4) Kajian sedang dijalankan bagi menggalakkan pemasaran rumah, meneliti usaha-usaha menurunkan kos seunit dengan cara mengurangkan kos pembangunan dan bayaran-bayaran yang dikenakan kepada pembeli-pembeli. Kadar faedah yang rendah akan juga dikenakan kepada pembeli untuk pinjaman perumahan.
- (5) Mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah program khas ini melalui penggunaan pelan-pelan seragam dan prosedur-prosedur yang lebih kemas lagi dalam bentuk garispanduan-garispanduan; dan

- (6) Mewujudkan satu sistem pengesanan yang berkesan melalui penubuhan bilik-bilik gerakan di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini cara pengagihan 80,000 unit rumah awam kos rendah ini kepada negeri-negeri, iaitu cara pengagihannya ataupun mengikut luas negeri itu, umpamanya Perlis kita beri 200 unit misalnya, negeri yang luas kawasannya maka banyak diperuntukkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, cara mengagihkan ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Keutamaan akan diberi kepada kawasan-kawasan di bandar-bandar utama di mana terdapat permintaan perumahan yang tinggi.

MINYAK PETROLEUM— PENDAPATAN

5. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kejatuhan dalam hasil pendapatan minyak petroleum dan lain-lain komoditi utama yang telah dianggarkan berdasarkan Anggaran Belanjawan 1986 bagi harga-harga yang sedia ada sekarang;
- (b) sama ada Kerajaan akan menyemak kembali Belanjawan 1986 supaya menjadi lebih realistik memandangkan terdapatnya kejatuhan dalam anggaran hasil pendapatan ini dan kalau tidak, kenapa tidak; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menampung kekurangan yang semakin

meningkat akibat dari kejatuhan dalam anggaran hasil pendapatan.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semasa pembentangan Belanjawan 1986 hasil pendapatan eksport minyak petroleum mentah adalah dianggarkan sebanyak \$9,514 juta. Oleh kerana harga petroleum mentah sudah turun, kajian semula mengikut perkembangan harga sekarang menunjukkan pendapatan eksport dari petroleum mentah akan berkurangan sebanyak lebih kurang 42% kepada \$4,025 juta dalam tahun 1986. Begitu juga dengan kemerosotan prestasi harga-harga barangan utama yang lain seperti kelapa sawit, getah dan timah ini telah menjejaskan anggaran hasil pendapatan eksport negara iaitu dari jumlah masing-masingnya \$4,048 juta, \$3,022 juta dan \$1,312 juta seperti yang dianggarkan dalam Anggaran Belanjawan 1986 kepada \$2,220 juta, \$2,738 juta dan \$378 juta berdasarkan kajian semula mengikut perkembangan harga-harga yang sedia ada sekarang.
- (b) Berdasarkan kepada kejatuhan hasil pendapatan negara berikutan dengan kemerosotan harga barangan utama termasuk minyak mentah, Kerajaan telah menyemak semula prestasi ekonomi negara bagi tahun 1986. Ramalan baru pertambahan ekonomi negara ialah kira-kira 3.3% sahaja. Kadar pertambahan ini adalah kurang daripada 6% yang telah diramalkan semasa pertimbangan Belanjawan 1986.

(c) Kejatuhan harga petroleum mentah dan lain-lain barangan utama eksport Malaysia membawa kesan pengurangan hasil pendapatan Kerajaan. Ini telah menjejaskan ekonomi negara yang masa itu telah menggerakkan 48 langkah-langkah tertentu untuk mengatasi kemelesetan ekonomi. Antara yang terpenting ialah:

- (1) melaksanakan rancangan perumahan secara besar-besaran terutama rancangan perumahan kos rendah;
- (2) melaksanakan projek kecil dan projek yang berjalan yang memerlukan tenaga pekerja yang banyak di kawasan bandar dan kawasan luar bandar;
- (3) membuka tanah-tanah untuk sektor swasta mengusahakan tanaman pokok-pokok dan cash crops, dengan izin, termasuklah aquaculture;
- (4) menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan;
- (5) melaksanakan usaha-usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan;
- (6) menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang banyak menggunakan modal, mengambil masa yang lama untuk mendapat pulangan dan memerlukan import yang tinggi.

Pelaksanaan perakuan-perakuan ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, Kerajaan juga akan terus menggalakkan dasar berjimat cermat dan mengawal segala perbelanjaan

dengan ketat bagi mengukuhkan lagi keutuhan ekonomi dan kedudukan kewangan negara.

PENGANGGURAN RAKYAT MALAYSIA

6. Tuan Tay Chee King minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan pekerja yang menghadapi pengangguran dalam tahun 1985; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran yang dihadapi sekarang.

9-4-86

8. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Buruh menyatakan apakah peranan Kementerian ini dalam membantu negara mengurangkan masalah pengangguran yang kian meningkat.

14-4-86

44. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang telah mengakibatkan ramai pekerja mengalami masalah pengangguran di negara kita.

15-4-86

24. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Buruh menyatakan, apakah langkah akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi pengangguran yang masih meningkat pada masa ini.

39. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Buruh menyatakan bidangkuasa serta dasar-dasar pasukan petugas yang diilhamkan oleh Majlis Penasihat Buruh dan sejauh

mana keberkesanan peranan badan tersebut di dalam menyelesaikan masalah pengangguran negara.

43. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan bagi mengurangkan kadar pengangguran akibat pemberhentian ramai pekerja-pekerja buruh di sektor swasta, terutama dalam perusahaan bijih timah.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Tay Chee King ini terdapat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Senator lain yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang bertumpukan kepada masalah yang sama atau hampir-hampir sama seperti Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 9-4-1986, Yang Berhormat Puan Sri Janaki Athi Nahappan pada 14-4-1986, Yang Berhormat Tuan Haji Shuib bin Lazim pada 15-4-1986, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim pada 15-4-1986 dan Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok pada 15-4-1986, maka dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa, saya ingin memberi satu jawapan yang menyeluruh kepada semua pertanyaan mengenai masalah yang sama ini.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah rakyat Malaysia yang menganggur sehingga tahun 1985 adalah dianggarkan lebih kurang 448,600 orang. Daripada jumlah itu 80,681 orang sahaja yang telah berdaftar sebagai pencari kerja dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh seperti yang terdapat pada akhir bulan Disember, 1985. Angka tersebut bukanlah menunjukkan jumlah yang benar-benar menganggur kerana kira-kira 8% dari bilangan tersebut telah

pun mempunyai pekerjaan tetapi berdaftar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Dari jumlah 80,681 orang yang mendaftar itu, seramai 19,500 telah pun dapat ditempatkan di dalam pekerjaan-pekerjaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab utama berlakunya pengangguran di negara kita adalah seperti berikut:

- (1) Kadar penambahan penduduk dalam kumpulan umur 15 sehingga 29 tahun adalah lebih pesat jika dibandingkan dengan kadar purata pertumbuhan ekonomi negara.
- (2) Berikutan dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang terhad ini, lebih-lebih lagi dalam suasana kemelesetan ekonomi dunia peluang-peluang pekerjaan baru adalah juga terhad;
- (3) Dalam proses perubahan struktur ekonomi negara dan juga proses pemodanisasi daya pengeluaran melibatkan kurangnya keperluan tenaga pekerja tetapi lebih mengutamakan jentera dan kelengkapan yang sofistikated;
- (4) Kebanyakan daripada penganggur-penganggur tidak mempunyai kemahiran yang menjadi permintaan dalam pasaran buruh;
- (5) Sebagai salah satu langkah berjimat cermat, pengisian setengah-setengah jawatan yang tidak begitu penting telah dibekukan baik pun di Jabatan-jabatan Kerajaan dan begitu juga badan-badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masalah pengangguran adalah satu isu nasional yang memerlukan perhatian utama seluruh masyarakat. Oleh yang

demikian, atas kesedaran ini maka Kerajaan seperti yang dirancangan di dalam Rancangan Malaysia Kelima sedang dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Melalui Kementerian Buruh mengadakan program-program latihan dan latihan semula kepada mereka yang diberhentikan kerja dan kepada pencari-pencari pekerjaan yang baru memasuki pasaran buruh dan juga dengan menubuhkan ko-profesional dan siswazah dengan menempatkan mereka di agensi-agensi Kerajaan atau mana-mana projek Kerajaan. Selain daripada itu, ialah melalui usaha-usaha memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan sebagaimana yang telah pun diterangkan di dalam jawapan untuk soalan nombor 4 dan nombor 5 baru sekejap tadi.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, daripada jumlah penganggur yang disebutkan itu, apakah pecahan-pecahan dari segi jantina? Kedua, dari segi umur, ketiga dari segi kelulusan dan keempatnya, sektor-sektor manakah yang paling banyak terdapat jumlah penganggurnya?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan penganggur ini tidak dipecahkan kepada sektor-sektor pekerjaan tertentu, tetapi mereka yang berdaftar di pejabat-pejabat pekerjaan adalah dikumpulkan ataupun dipecah-pecahkan mengikut jenis-jenis pekerjaan yang mereka minati dan mereka juga didaftarkan mengikut berbagai-bagai butir yang diperlukan seperti jantina, umur, kelulusan dan lain-lain, tetapi pada hari ini saya tidak dapat memberi butir-butir itu dan saya perlukan notis.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada mereka yang menganggur adalah daripada mereka yang dibuang kerja daripada sektor elektronik dan juga sektor tekstil.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-dua industri tersebut akan sentiasa menghadapi suasana seperti yang sedia ada sekarang ini apabila timbul resesi dan apa juga tahap pun maka pekerjaannya akan lebih cenderung untuk dibuang kerja. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang khusus yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa nilai tambahan yang sewajarnya ada pada seseorang tenaga kerja atau seseorang buruh dapat dipertingkatkan di sektor industri elektronik dan juga industri tekstil sebegitu rupa supaya ianya dapat dikekalkan dalam industri itu walaupun keadaan ekonomi dunia turun. Kalau sekiranya masalah ini tidak diatasi maka daripada semasa ke semasa pengangguran akan terus berterusan berlaku semata-mata kerana nilai tambahan buruh tersebut adalah begitu rendah di industri-industri yang saya sebutkan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang terdapat di Kementerian Buruh, jumlah penganggur yang terdiri daripada golongan mereka yang diberhentikan kerja sehingga tahun 1985 yang lalu adalah seramai 43,844 orang. Daripada jumlah tersebut bilangan terbesar adalah daripada sektor pembuatan, termasuklah perkilangan elektronik dan tekstil sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja beramai-ramai di sektor pembuatan ini, khususnya di bidang elektronik dan tekstil di zaman

kemelesetan ekonomi, maka Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil beberapa langkah tertentu.

Yang pertama, sebagaimana telah pun diumumkan baru-baru ini pihak Kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk memerhatikan perkembangan industri di sektor-sektor yang berkenaan itu dan mengawasi pembuangan kerja jika ianya dilakukan dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan jawatankuasa tersebut termasuk di peringkat kebangsaan dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan dan di negeri-negeri dikenali sebagai Badan Petugas Negeri-negeri akan berusaha membantu pekerja-pekerja yang terlibat yang diberhentikan kerja itu untuk mendapat pekerjaan baru atau untuk dilatih semula di dalam bidang-bidang yang mereka mempunyai pengalaman ataupun di bidang-bidang yang berpotensi untuk mendapat pasaran yang baik di pasaran buruh.

Bagi pekerja-pekerja elektronik, sebenarnya kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh mereka adalah sangat berharga dan pihak Kerajaan berhasrat akan mengekalkan mereka di dalam pengalaman itu dengan mengadakan latihan-latihan semula dengan harapan jika keadaan ekonomi bertambah baik dan keadaan industri pulih dan industri elektronik berkembang semula, mereka akan ditempatkan semula bekerja di kilang-kilang elektronik dan pengalaman mereka yang dipunyai selama ini termasuk latihan semula akan sudah tentu memberi faedah dan manfaat yang berguna.

SENJATAPI DIGUNAKAN OLEH RELA

7. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menarik balik senjatapi yang digunakan oleh Angkatan Relawan

Rakyat Malaysia (RELA) kerana terdapat senjatapi itu disalahgunakan oleh anggota RELA semasa berlakunya peristiwa Memali.

15-4-86

38. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah ada di antara mereka dari anggota RELA terlibat dalam kejadian Memali, jika benar berapa orang terlibat dan berapa pucuk senjatapi pemberian Kerajaan yang mereka gunakan; dan
- (b) adakah cadangan Menteri mengkaji semula pemberian senjatapi kepada anggota RELA di kawasan-kawasan yang diketahui ada anasir-anasir liar yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan orang ramai dan mereka yang dikenalpasti ada mempunyai kelakuan mirip seperti yang berlaku di Memali, adakah akan menarik balik senjatapi mereka.

17-4-86

37. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di seluruh negara dan jumlah senjatapi yang diberikan kepada mereka, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah lagi bilangan yang ada di samping menyediakan senjatapi yang lebih moden dari yang digunakan sekarang.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini serentak dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom dan Yang Berhormat Senator Tuan Harun bin Hasan yang dijadualkan dikemukakan di Dewan

ini pada 15hb dan 17hb April, 1986 kerana soalan-soalan tersebut adalah mengenai perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar terdapat 10 orang ahli RELA dan 2 laras senapang patah jenis Harrington telah terlibat di dalam Peristiwa Memali yang lalu. Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik semua senapang patah yang telah dibekalkan kepada ahli-ahli RELA di seluruh negara. Bagaimanapun selepas Peristiwa Memali, senapang patah yang telah dibekalkan kepada ahli RELA di Negeri Kedah telah diambil balik oleh Kerajaan buat sementara waktu bagi tujuan menyelaraskan pembahagian, mengemas-kinkan rekod, pembaharuan lesen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Ikatan Relawan Rakyat Malaysia mempunyai seramai 170,000 orang ahli di seluruh negara. Mereka dibekalkan dengan 30,132 laras senapang patah dari jenis Steven dan Harrington. Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula pembahagian senjata kepada ahli-ahli RELA pada keseluruhannya kerana Kerajaan telah berpuashati dengan cara-cara pembahagiannya yang ada pada masa sekarang.

Bagaimana pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menarik balik senjata daripada ahli-ahli RELA yang dikenali pasti terlibat di dalam sebarang kegiatan yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian mengenai pembahagian senjata kepada ahli-ahli RELA khususnya di kawasan-kawasan yang diketahui adanya anasir-anasir yang tidak diingini yang boleh menggugat keselamatan negara.

Kerajaan sedar bilangan senjata RELA sekarang tidaklah begitu mencukupi dan Kerajaan memang bercadang untuk menambahkan lagi

bilangan senjata yang sedia ada. Mengenai jenis senjata yang digunakan buat masa ini Kerajaan telah berpuashati dan belum bercadang untuk membekalkan ahli-ahli RELA dengan senjata yang lebih moden dari yang digunakan sekarang.

PEKERJA MALAYSIA— PELUANG PEKERJAAN

8. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada zaman kemelesetan ekonomi ini terdapat ramai pekerja-pekerja rakyat Malaysia balik ke sini dari negara asing. Jika sedar, adakah pihak Kementerian merancang untuk menolong mereka mendapatkan pekerjaan di tanahair ini.

Dato' Haji Zakaria bin Hji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar terdapat pekerja-pekerja Malaysia telah kembali dari seberang laut akibat kemelesetan ekonomi dunia. Namun demikian, Kerajaan tidak ada mempunyai rekod berkaitan dengan bilangan pekerja-pekerja yang pulang dari negara-negara asing itu oleh kerana pada masa ini tidak ada undang-undang yang mewajibkan sesiapa warganegara Malaysia yang berhijrah untuk bekerja di luar negeri melaporkan diri kepada mana-mana pihak berkuasa apabila mereka keluar negeri atas pilihan sendiri untuk bekerja dan demikian juga apabila mereka kembali ke tanahair.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh akan sentiasa memberi bantuan di mana yang boleh kepada mereka yang tampil ke hadapan untuk mendaftarkan diri dengan pejabat-pejabat pekerjaan di bawah Kementerian Buruh dengan mencari kerja-kerja alternatif atau memberi latihan sesuai dengan keperluan pasaran buruh. Bagi maksud ini

kerjasama pihak majikan adalah diperlukan supaya memberitahu peluang-peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan yang terdapat di syarikat-syarikat mereka kepada pejabat-pejabat pekerjaan di bawah Kementerian Buruh.

PROJEK LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI

9. Tuan A. Sheik Dawood minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah projek Lebuhraya Persisiran Pantai (Coastal Road) di Pulau Pinang akan disiapkan dan berapakah anggaran perbelanjaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya dari mula ada rancangan untuk melaksanakan Jalan Pesisir Pantai iaitu, dengan izin, North Coastal Road di Pulau Pinang, tetapi pelaksanaannya dari mula telah mengalami banyak kesukaran. Di antara kesukaran itu ialah bilangan setinggan-setinggan yang ramai terdapat di pesisir jalan tersebut yang mana Kerajaan Persekutuan memerlukan jumlah wang pampasan yang besar untuk menempatkan semula mereka itu. Oleh kerana masalah setinggan-setinggan tersebut, maka Kerajaan telah tidak dapat melaksanakan projek itu.

Walau bagaimanapun satu cadangan lagi untuk melaksanakan jalan itu telah dibuat melalui penswastan, dengan cara pemuliharaan guna tanah iaitu, dengan izin, reclamation, seluas lebih kurang 500 ekar. Hasil daripada penjualan tanah yang telah dipulih itu akan digunakan untuk membiayai kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang, membina Jalan Pesisir Pantai dan juga kos pemuliharaan guna tanah itu.

Cadangan penswastan itu juga telah tidak berjaya oleh kerana pihak swasta yang mengemukakan cadangan

penswastan itu telah tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak penswastan itu. Oleh kerana masalah-masalah yang tersebut di atas dan juga keadaan kewangan Kerajaan yang tidak mengizinkan maka Kerajaan telah membatalkan buat sementara waktu cadangan untuk melaksanakan Jalan Pesisir Pantai, dengan izin, North Coastal Road itu.

FAMA—OPERASI MENYELAMATKAN KELAPA

10. Dato Kamarulzaman bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa FAMA telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit oleh kerana gagal di dalam usaha menyelamatkan buah kelapa dan jika benar, sama ada kerugian ini adalah disebabkan oleh pegawai dan kakitangan yang cuai dan tidak cekap.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, semenjak FAMA mula menjalankan operasi menyelamatkan kelapa di kawasan Bagan Datok dan Hutan Melintang pada 29hb Julai, 1985 dan seterusnya ke kawasan-kawasan pengeluaran utama yang lain di seluruh Semenanjung Malaysia, FAMA telah mengalami kerugian sebanyak \$2,471,000 sehingga akhir bulan Februari, 1986. Sebahagian besar dari kerugian ini iaitu 91% adalah disebabkan oleh kos jualan yang tinggi yang disebabkan oleh perbezaan di antara harga belian FAMA iaitu 11 sen sebiji dengan harga pasaran 6 sen sebiji.

Dalam tempoh masa pengendalian operasi penyelamatan kelapa ini FAMA telah membeli sejumlah 45,002,805 biji kelapa daripada petani-petani di kawasan Bagan Datok, Hutan Melintang serta kawasan pengeluaran utama yang lain. Oleh yang demikian, kerugian langsung oleh faktor ini adalah sebanyak

\$2,251,000. Baki dari jumlah kerugian ini adalah terdiri dari kos mengurus seperti gaji dan upah, perbelanjaan menyelenggarakan kilang, pengangkutan, guni dan lain-lain yang berjumlah \$220,000. Soal pengecuiaan dan tidak kecekapan kakitangan FAMA tidak timbul.

PELAJARAN LANJUTAN BAGI LULUSAN SPM/STP

11. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah rancangan dan program yang disediakan untuk pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan SPM dan STP yang tidak terpilih mengikut pelajaran lanjutan kerana mereka ini terjumlah sebagai penganggur-penganggur;
- (b) berapa ramaikah jumlah pelajar-pelajar Menengah Rendah dan Menengah Atas yang masih tidak mendapat apa-apa peluang pekerjaan dan melanjutkan pelajaran pada keseluruhannya; dan
- (c) adakah rancangan-rancangan penampungan tertentu disediakan untuk mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan SPM dan STP yang tidak dipilih mengikuti pelajaran lanjutan masih mempunyai peluang untuk memohon memasuki pusat-pusat latihan perguruan, Institut Teknologi MARA, Kolej Tunku Abdul Rahman dan lain-lain institusi bagi melanjutkan pelajaran mereka di bidang teknik dan iktisas.

Jumlah pelajar menengah rendah dan menengah atas di seluruh negara yang berdaftar dengan Pejabat Tenaga

Rakyat di bawah Kementerian Buruh dan masih belum mendapat pekerjaan pada akhir tahun 1985 adalah seperti berikut:

Mereka yang mempunyai kelulusan kurang dari SRP—23,936 orang.

Mempunyai SRP—14,745 orang.

Mempunyai SPM—38,314 orang.

Mempunyai STP dan lebih tinggi 3,686 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang merancang hendak memulakan kursus-kursus 6 bulan hingga setahun dalam beberapa bidang pertukangan di sekolah-sekolah vokesyenal bagi mereka yang telah tamat persekolahan di peringkat SRP, SPM atau STPM. Walau bagaimanapun, perjalanan kursus ini adalah tertakluk kepada permintaan daripada lepasan-lepasan sekolah dan adanya peruntukan bagi memulakan kursus ini. Selain daripada Kementerian Pelajaran beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah seorang murid yang lulus dalam peperiksaan SRP sebagai seorang calon bebas tidak diterima masuk ke sekolah menengah Kerajaan jika umurnya rendah. Kalau begitu, tidakkah Kerajaan ada menggalakkan murid-murid supaya meluluskan peperiksaan dengan cepat.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyiasat perkara ini dan jawapannya akan diberi kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

PEMASANGAN ALAT AMARAN HAD LAJU

12. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) berapa jumlah kenderaan berat yang telah mematuhi arahan untuk memasang alat had laju dan apakah tindakan yang telah dilaksanakan kepada tuan-tuan punya kenderaan yang tidak mematuhi arahan tersebut; dan
- (ii) apakah kejayaan dari segi keselamatan jalan raya yang telah dinikmati oleh pengguna-pengguna jalan raya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan,

- (i) Sehingga sekarang ini sebanyak 56,000 buah kenderaan berat 4,500 kg. dan ke atas telah pun mematuhi arahan pemasangan alat amaran had laju. Bagi kenderaan yang engkar atau gagal mematuhi arahan tersebut, tindakan undang-undang telah dan sedang diambil ke atas mereka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak penggunaan alat amaran had laju diwajibkan pada 1hb Januari, agensi penguatkuasa iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Trafik telah dapat mengesan sebanyak 287 kes kenderaan yang tidak memasang alat amaran had laju.
- (ii) Berhubung dengan faedah yang akan dicapai dari segi keselamatan jalan raya dengan penguatkuasaan pemasangan alat amaran had laju, perkara ini masih terlalu awal untuk dinilai, kerana penguatkuasaan alat amaran had laju baru sahaja bermula pada 1hb Januari tahun ini.

SISWAZAH YANG MENGANGGUR

13. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sehingga Disember 1985 berapa ramai Graduan dan para siswazah kita yang keluar dari pusat pengajian tinggi dan luar negeri yang:
 - (i) dibiayai oleh Kerajaan;
 - (ii) dibiayai oleh badan-badan lain atau pinjaman; dan
- (b) dari jumlah seramai itu, benarkah ada beribu-ribu siswazah kita menganggur; dan jika benar jumlah sebenar mereka yang menganggur; jumlah yang sedang menunggu kerja dan berapa ramai yang memilih kerja.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember, 1985 pelajar-pelajar yang dibiayai oleh Kerajaan dan telah tamat pengajian dari pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri ada seramai 48,826 orang. Kementerian tiada mengumpulkan maklumat mengenai bilangan pelajar-pelajar yang dibiayai atau diberi pinjaman oleh badan-badan lain atau pelajar-pelajar persendirian yang telah tamat pengajian dari dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tiada mengumpul maklumat mengenai bilangan siswazah yang menganggur. Walau bagaimanapun, bilangan siswazah yang mendaftar dengan Kementerian Buruh sehingga bulan Ogos, 1985 dan belum dapat ditawarkan sebarang pekerjaan ialah seramai 1,297 orang.

PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

14. Dato Dr K. S. Nijhar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah di negara ini tidak mempunyai perpustakaan profesional dan, sekiranya sedar, bilakah perpustakaan-perpustakaan di sekolah-sekolah akan dikelolakan oleh ahli-ahli profesional, dan dalam jangka masa ini adakah beliau menimbang untuk mewujudkan Pustakawan-pustakawan Sekolah atas dasar perkongsian antara dua atau tiga buah sekolah disatukan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa sekolah-sekolah bantuan Kerajaan tidak mempunyai Perpustakaan Profesional. Perpustakaan di sekolah-sekolah sukar dikendalikan oleh ahli-ahli profesional kerana pengwujudan jawatan tersebut membawa implikasi besar dari segi kewangan dan urusan perkhidmatan memandangkan bilangan sekolah di negeri ini berjumlah kira-kira 7,760 buah.

Kementerian juga tidak ada rancangan untuk mengambil ahli-ahli Perpustakaan Profesional bertugas sepenuh masa di sekolah-sekolah ataupun atas dasar perkongsian antara dua atau tiga buah sekolah.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau ada kesusahan untuk mengadakan apa-apa perpustakaan di tiap-tiap sekolah, tidak bolehkah perpustakaan itu dipusatkan di dalam sesuatu daerah?

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini tidak ada berkaitan dengan soalan asal. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-15.

KOPERASI YANG BERDAFTAR

15. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh negara dan nyatakan jenis-jenisnya. Berapakah nilai eset koperasi yang telah terkumpul seluruhnya sehingga kini. Pada pandangan Menteri berkenaan apakah cadangan Kerajaan untuk menggiatkan koperasi-koperasi yang lemah itu supaya terus hidup meningkatkan kemajuan bersama rakan-rakan koperasi yang lain.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, pada 31hb Disember, 1985 jumlah koperasi seluruh negara ialah 2,541 buah terdiri daripada 12 jenis seperti berikut:

- Koperasi Kredit—364 buah;
- Koperasi Perumahan—63 buah;
- Koperasi Pengguna—245 buah;
- Koperasi Kenderaan—171 buah;
- Koperasi Pembangunan Tanah—35 buah;
- Koperasi Perindustrian—27 buah;
- Koperasi Serbaguna—354 buah;
- Koperasi Kebajikan Am—25 buah;
- Koperasi Permodalan—19 buah;
- Koperasi Sekolah—506 buah;
- Koperasi Kesatuan—6 buah; dan
- Koperasi Insuran—1 buah.

Di Sabah dan Sarawak terdapat juga koperasi jenis pembekalan, pemasaran, perikanan dan ternakan. Sementara di Semenanjung koperasi-koperasi jenis ini adalah di bawah kelolaan Lembaga Pertubuhan

Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu di bawah Kementerian Pertanian.

Jumlah nilai aset yang terkumpul setakat 31hb Disember, 1985 ialah \$6.235 billion.

Mengenai langkah-langkah untuk mempergiatkan koperasi-koperasi yang lemah supaya setanding dengan rakan-rakan koperasi yang lain, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua koperasi supaya mengadakan Mesyuarat Agung pada tiap-tiap tahun. Di dalam Mesyuarat Agung tersebut, ahli-ahli berpeluang untuk mengikuti perkembangan koperasi dan mempersoalkan Lembaga Pengarah sekiranya perjalanan koperasi adalah tidak memuaskan serta memberi cadangan-cadangan yang sesuai untuk kemajuan koperasi. Di samping itu, pihak Jabatan Pembangunan Koperasi sentiasa memberi bimbingan dan bantuan kepada koperasi-koperasi yang lemah dan menghadapi masalah dalam pengurusan perakaunan dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

16. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah unit kos rendah yang telah dibina bagi tiap-tiap negeri seluruh negara, sejak rancangan ini dimulakan hingga sekarang;
- (b) jumlah perbelanjaan rancangan berkenaan;

- (c) jumlah rumah kos rendah yang dicadang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelima; dan
- (d) langkah yang diambil bagi membantu rakyat miskin memiliki rumah sendiri.

Puan Napsiah binti Omar:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dari Kementerian saya ada juga agensi-agensi Kerajaan yang lain dan pemaju swasta yang melaksanakan rumah kos rendah. Bagi program tersebut, Kementerian ini tidak ada data mengikut pecahan negeri. Malah, bagi program perumahan awam kos rendah pun Kementerian ini tidak mempunyai data lengkap mengenai jumlah unit rumah tersebut yang telah dibina bagi tiap-tiap negeri sejak rancangan ini dimulakan.

Saya hanya dapat memberi maklumat mengenai rumah awam kos rendah yang dikendalikan oleh Kementerian saya untuk tempoh rancangan Malaysia Keempat sahaja. Jumlah unit rumah awam kos rendah yang telah dibina bagi tiap-tiap negeri di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat adalah seperti berikut:

Johor	10,225 unit
Kedah	5,835 unit
Kelantan	2,699 unit
Melaka	3,936 unit
Negeri Sembilan ..	4,932 unit
Pahang	2,699 unit
Perak	3,076 unit
Perlis	2,120 unit
Pulau Pinang ..	4,397 unit

Selangor	6,244 unit
Terengganu	3,804 unit
Sabah	910 unit
Sarawak	3,257 unit
Wilayah Persekutuan	14,312 unit
	<hr/>
JUMLAH ..	68,446 unit
	<hr/>

(b) Jumlah perbelanjaan bagi program perumahan awam kos rendah sejak permulaannya daripada tahun 1956-1985 ialah \$2,334.2 juta.

(c) Untuk Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 495,000 unit rumah kos rendah telah disasarkan untuk pembinaan oleh sektor awam dan sektor swasta. Sebanyak 120,900 unit akan dibina di bawah program sektor awam. Daripada jumlah ini sebanyak 45,800 unit adalah merupakan perumahan awam kos rendah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Bakinya akan dibina oleh agensi-agensi pembangunan tanah persekutuan/wilayah dan di bawah program kediaman institusi/kakitangan Kerajaan. Pemaju swasta dikehendaki membina sebanyak 374,100 unit rumah kos rendah.

(d) Kerajaan telah mengambil langkah berikut untuk membantu rakyat miskin memiliki rumah:

(i) Kerajaan telah memberi subsidi untuk membolehkan harga rumah awam kos rendah dijual dengan harga tidak melebihi \$25,000 seunit. Subsidi yang dimaksudkan termasuk:

1. Pembayaran kos infrastruktur oleh

Kerajaan bagi rumah awam kos rendah yang dibina di kawasan bandar;

2. Pengurangan faedah pinjaman bagi golongan berpendapatan rendah yang membeli rumah awam kos rendah di bandar ialah 9% setahun dan 5.5% setahun bagi rumah di luar bandar. Kedua kadar ini adalah lebih rendah daripada kadar pasaran sebanyak 10% setahun. Kadar faedah bagi projek rumah awam kos rendah di bandar adalah tinggi sedikit kerana kos infrastruktur bagi projek tersebut ditanggung oleh Kerajaan.

(ii) Kerajaan telah mensyaratkan pemaju swasta membina sekurang-kurangnya 30% daripada projek perumahan mereka dalam bentuk rumah kos rendah yang mana telah menambahkan bilangan unit rumah kos rendah.

(iii) Dalam bulan Mac tahun ini, Kerajaan telah juga menaikkan had pengeluaran dari caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ke 40% dari harga rumah kos rendah atau semua jumlah kredit seseorang ahli mengikut mana yang kurang.

(iv) Sejak Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah melancarkan skim sewa-jual bagi rumah kos rendah di kawasan bandar di mana rumah tersebut disewakan selama sepuluh tahun dan selepas itu, penghuni-penghuni yang layak akan diberi peluang membeli rumah-rumah itu. Program ini akan juga diteruskan semasa Rancangan Malaysia Kelima.

(v) Kerajaan juga akan melaksanakan program khas perumahan kos rendah yang melibatkan pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun bagi tempoh 1986-1988. Langkah ini merupakan satu usaha dan komitmen yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah dan miskin.

HARGA MINYAK KELAPA SAWIT

17. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah untuk mengatasi harga minyak sawit yang kian hari kian menurun; dan
- (b) adakah minyak keluaran negara kita setanding mutunya dengan

pengeluaran minyak sawit di lain-lain negara.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):

- (a) Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang dialami sejak kebelakangan ini. Keutamaan adalah diberi kepada langkah mengurangkan stok yang tinggi pada masa ini menerusi penggandaan usaha-usaha pemasaran dan eksport. Dalam usaha membantu pihak perusahaan meningkatkan eksport, langkah-langkah sedang dipergiatkan untuk menggesa negara-negara pembeli menambah pembelian untuk mengambil kesempatan daripada keadaan harga yang rendah. Di dalam hubungan ini, Kementerian telah menghantar satu misi teknik minyak kelapa sawit ke Hongkong, Republik Korea, Jepun, Amerika Syarikat dan United Kingdom pada bulan Mac lalu.

Usaha-usaha akan juga diteruskan bagi memperkenalkan dan memperbaiki kemasukan (access) minyak kelapa sawit di lain-lain pasaran antarabangsa merundingkan pengurangan dan penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif ke atas bahan berkenaan, menghantar misi-misi teknikal dan galakan pasaran, menawarkan khidmat nasihat teknik kepada pengguna-pengguna, mengenalpasti peluang-peluang pasaran melalui penyelidikan dan risikan pasaran, mengkaji kemungkinan mendirikan kilang-kilang usahasama di negara-negara pengguna, meninjau kemungkinan mengadakan perdagangan kaunter yang melibatkan penjualan minyak

kelapa sawit, membanteras dakyah yang memburuk-burukkan imej bahan tersebut dan membantu peng-eksport-pengeksport yang menghadapi masalah di pasaran antarabangsa. Dalam masa yang sama, daya persaingan dan ketahanan industri kelapa sawit negara akan dipertingkatkan lagi menerusi langkah mengurangkan kos keluaran, pemodenan pengurusan dan kelengkapan serta peningkatan mutu Rancangan Penyelidikan dan Kemajuan (R & D) akan juga dipesatkan untuk antara lain meluaskan lagi kegunaan-kegunaan bagi minyak kelapa sawit Malaysia.

Hasil langkah-langkah yang diambil itu, harga minyak kelapa sawit telah menunjukkan trend meningkat semula. Pada 2hb April, 1986, harga minyak kelapa sawit telah mencapai paras \$636.50 berbanding dengan harga \$421.50 se tonne pada 3hb Mac, 1986. Di samping itu kedudukan stok minyak kelapa sawit telah berkurangan daripada 925,568 tonne di akhir bulan Januari, 1986 kepada lebih kurang 840,000 tonne (anggaran) pada akhir bulan Mac 1986.

- (b) Berhubung dengan mutu minyak kelapa sawit Malaysia, suka saya jelaskan di sini bahawa ianya adalah setanding kalau tidak lebih tinggi daripada mutu minyak kelapa sawit yang dieksport oleh negara-negara pengeluar lain seperti Indonesia, Papua New Guinea dan negara-negara Afrika.

TANAMAN PADI ENDAU- ROMPIN

18. Tuan Haji Abd. Rahman bin Haji Latif minta Menteri Pertanian

menyatakan adakah benar rancangan pertanian tanaman padi Endau-Rompin, Pahang dibatalkan setelah wang yang dibelanjakan lebih kurang \$75 juta bagi menyediakan kemudahan asas seperti empangan, taliair, rumah-rumah kakitangan dan lain-lain kemudahan, kerana didapati tanah (soil) di kawasan tersebut tidak sesuai ditanam padi. Jika benar, nyatakan:

- (a) tidakkah Kementerian Pertanian membuat penyelidikan menyeluruh kesesuaian tanaman di atas tanah tersebut sebelum Kerajaan membelanjakan wang sebanyak \$75 juta itu; dan
- (b) adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa empangan yang dibina dengan perbelanjaan lebih kurang \$12 juta telah pecah dan ranap dalam masa beberapa bulan saja selepas pembinaannya.

Dr Goh Cheng Teik: Tidak benar. Pembatalan rancangan tanaman padi di kawasan IADP Endau-Rompin bukan atas sebab ketidak kesesuaian tanah tetapi dibuat dalam konteks keputusan Kerajaan menyemak kembali tahap pengeluaran beras bagi keperluan negara atau tahap "self-sufficiency" yang telah dikurangkan daripada 80%-85%. Ke tahap terapan yang lebih rendah, dan pengeluaran padi akan ditumpukan di kawasan-kawasan jelapang padi negara. Kawasan-kawasan lain di luar jelapang padi, termasuk kawasan projek Endau-Rompin, akan ditukarkan dengan lain-lain tanaman yang sesuai dan lebih menguntungkan demi kepentingan petani-petani dan negara seluruhnya dalam jangka panjang.

Pengurangan tahap pengeluaran tersebut adalah berdasarkan beberapa faktor tertentu dan antaranya termasuk kos pengeluaran dan kos pembangunan bagi pengeluaran padi

yang tinggi di Malaysia. Kos pengeluaran beras di Malaysia pada tahun 1985 misalnya sebanyak \$1,120 bagi setan metrik beras adalah dua kali lebih tinggi dari kos import. Sementara itu bagi kos pembangunan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur melibatkan perbelanjaan yang besar. Mengikut perkiraan yang telah dibuat, bagi mencapai tahap pengeluaran 80%-85% misalnya, sebanyak \$3,600 juta pelaburan tambahan masih diperlukan oleh Kerajaan untuk tujuan ini. Di kawasan Endau-Rompin sahaja, kos pembangunan bagi setiap peserta dianggarkan melebihi \$200,000.

Berdasarkan kajian kemungkinan projek yang dijalankan sebelum pelaksanaan projek ini pada tahun 1981, kawasan Endau-Rompin adalah sesuai untuk tanaman padi. Pihak Bank Dunia setelah membuat kajian appraisal telah bersetuju memberi pinjaman untuk membiayai projek ini. Dengan itu kerja-kerja penyediaan infrastruktur pengairan termasuk kemudahan-kemudahan tempat tinggal peserta telah dimulakan dan perbelanjaan yang terlibat kira-kira sebanyak \$75.0 juta. Walaupun kerja-kerja ini setengahnya telah diberhentikan tetapi perbelanjaan yang telah dibuat tidak boleh dianggap sebagai perbelanjaan hangus memandangkan kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur yang telah disediakan sehingga kini masih boleh dimenafaatkan untuk tujuan tanaman-tanaman kekal yang lain dan untuk lain-lain kegunaan. Misalnya empangan yang telah dibina akan dijadikan sebagai sumber bekalan air untuk kawasan-kawasan sekitarnya. Manakala sistem saliran dan perparitan yang telah dibina dapat digunakan juga untuk tanaman-tanaman seperti kelapa sawit. Sesungguhnya pihak Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan pembangunan kawasan-kawasan

Endau-Rompin dengan tanaman kelapa sawit dan lain-lain tanaman kekal yang sesuai.

Mengenai dengan kenyataan yang mengatakan empangan yang dibina telah ranap selepas pembinaan sukalah saya menegaskan bahawa kenyataan ini juga tidak benar. Yang sebenarnya empangan Pontian yang ranap hanyalah alur airnya atau "spill way" sahaja yang telah roboh dan telah pun diperbaiki. Bagi maksud ini pihak Kerajaan melalui jabatan yang berkenaan, sedang berusaha untuk mendapatkan balik kos pembinaan semula dari pihak perunding yang berkenaan.

PERTUBUHAN EKONOMI NEGARA—KAJIAN SEMULA

19. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa kejatuhan terus harga barangan utama negara telah membawa kesan buruk kepada kedudukan kewangan sektor awam serta sektor swasta, apakah Kementerian Kewangan telah mengkaji semula Belanjawan 1986 dan mengubahsuainya supaya selaras dengan perkembangan kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa akhir-akhir ini. Jika ya, apa-apa langkah baru akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Dato' Oo Gin Sun: Selaras dengan trend kejatuhan harga-harga barangan utama seperti petroleum, minyak kelapa sawit, getah dan timah, kajian semula ramalan kadar pertumbuhan ekonomi negara telah pun dibuat. Ramalan baru kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah 3.3% bagi tahun 1986 ini. Jemaah Menteri telah memperakukan 48 langkah-langkah

tertentu untuk mengatasi kemelesetan ekonomi. Antara yang terpenting ialah:

- (i) Melaksanakan Rancangan Perumahan secara besar-besaran terutamanya Rancangan Perumahan Kos Rendah.
- (ii) Melaksanakan projek kecil dan projek jalan yang memerlukan tenaga pekerja yang banyak, di kawasan bandar dan kawasan luar bandar.
- (iii) Membuka tanah-tanah untuk sektor swasta mengusahakan tanaman-tanaman pokok dan cash crop termasuklah aquaculture.
- (iv) Menggalakkan pengguna barang-barang buatan tempatan.
- (v) Melaksanakan usaha-usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan.
- (vi) Menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang banyak menggunakan modal, mengambil masa yang lama untuk mendapat pulangan dan memerlukan import yang tinggi.

Pelaksanaan perakuan-perakuan ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, Kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar berjimat cermat dan mengawal segala perbelanjaan dengan ketat, bagi memperkukuhkan lagi keutuhan ekonomi dan kedudukan kewangan negara.

SAUDARA BARU ISLAM

20. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah seterusnya dalam membantu muafak-muafak di negara ini selepas

mereka memeluk agama Islam; dan

- (b) jumlah angka sebenar saudara-saudara baru setakat Mac 1986 ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):

- (a) Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri-negeri pada masa sekarang telah mengambil beberapa langkah tertentu dalam membantu saudara-saudara baru Islam di negeri ini yang baru memeluk agama Islam seperti berikut:

- (i) mengadakan kelas kefahaman Islam secara bersiri;
- (ii) memberi bantuan kewangan melalui peruntukan wang Baitulmal bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan;
- (iii) memberi bantuan pinjaman kewangan bagi mereka memerlukan berniaga;
- (iv) menguruskan hal-hal peribadi mereka seperti berkhatan, urusan pertukaran kad pengenalan, nikah kahwin dan kematian;
- (v) memberi bahan-bahan bacaan dan buku agama serta mengadakan program merapatkan perhubungan mereka dengan Jabatan.

- (b) Jumlah bilangan saudara baru dari tahun 1982 hingga 1986 ialah seramai 21,210 orang.

**AMANAH SAHAM NASIONAL—
ORANG ASLI**

21. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan ramai Orang Asli yang telah melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional di Semenanjung hingga Januari, 1986;
- (b) jumlah wang yang telah dilabur dalam skim tersebut; dan
- (c) negeri mana yang teramai bilangan mereka yang melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) tidak mempunyai butir-butir yang dipohon oleh kerana dalam borang pendaftaran penyertaan tidak ada klasifikasi dari segi suku etnik yang perlu diisi oleh pelabur. Seseorang pelabur hanya perlu mencatatkan butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, jantina dan umur. Oleh itu pihak ASNB hanya mempunyai rekod yang menyeluruh mengenai jumlah penyertaan Bumiputera dalam Skim ASN dan tidak ada pecahan dari segi kategori suku etnik seperti orang Asli dan lain-lain. Walau bagaimanapun di masa-masa hadapan ASNB bolehlah memungut butir-butir yang dipohon.
- (b) Sehingga 31hb Januari, 1986 jumlah nilai pelabur bersih Bumiputera keseluruhannya dalam skim ASN ialah sebanyak

\$1,951,361,164. Seramai 2,065,414 orang atau 41.9 peratus dari jumlah bilangan Bumiputera yang layak telah melabur.

- (c) Sabah merupakan negeri yang mempunyai penyertaan yang teramai sekali dalam Skim ASN. Seramai 337,905 orang ataupun 71.2 peratus dari jumlah bilangan Bumiputera yang layak telah melabur dalam skim ini.

**KAD PENGENALAN—
PENUKARAN**

22. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan sedar bahawa proses operasi penukaran kad pengenalan yang dilancarkan bulan Mac, 1985 di bawah peraturan perkara 16 terlalu lambat sehingga menyulitkan mereka yang terlibat. Apakah Jabatan Pendaftaran tidak mempunyai persiapan yang cukup sebelum operasi itu dijalankan; dan
- (ii) nyatakan jumlah pemohon yang terlibat di bawah Peraturan bilangan 16; jumlah yang telah siap diproses dan bilakah bakinya dapat diselesaikan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Satu kempen telah dijalankan dari 1hb April, 1985 hingga 30hb Jun, 1985 bagi menguatkan sepenuhnya peraturan 16, Akta Pendaftaran Negara 1959. Sebelum kempen ini dilancarkan, pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji cara-cara pelaksanaan serta membuat persiapan yang sesuai bagi menjamin bahawa ianya berjalan dengan lancar.

Semenjak kempen ini dilaksanakan sehingga 31hb Januari, 1986 sebanyak 370,772 kad pengenalan telah siap

diproses dan dari jumlah tersebut sejumlah 222,463 telah diserahkan kepada pemilik-pemilik berkenaan.

TUDM—KEMALANGAN KAPAL TERBANG

23. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa kemalangan kapal terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sempadan Sabah baru-baru ini yang meragut nyawa 8 orang pegawai TUDM adalah disebabkan oleh pesawat yang modelnya agak lama, dan sama ada Kerajaan akan menggunakan pesawat-pesawat yang lebih baru untuk menjaga keselamatan anggota-anggota tentera Udara kita.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kemalangan pesawat Cessna yang mengorbankan 8 orang pegawai TUDM itu sama sekali tidak ada kena mengena dengan model atau usia pesawat tersebut. Kemalangan yang berlaku pada 3hb Februari, 1986 adalah merupakan kemalangan besar yang pertama melibatkan pesawat jenis tersebut semenjak ianya memulakan operasi pada tahun 1975. Siasatan kemalangan tersebut telah pun selesai dan tindakan-tindakan "finalisation" terhadap laporan berkenaan sedang disiapkan.

ALAT HAD LAJU— PENGUATKUASAAN

24. **Puan Rokian binti Zainuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan penguatkuasaan alat-alat had laju kepada kenderaan-kenderaan sekarang. Bolehkah beliau memberitahu jumlah kenderaan yang didenda sehingga akhir bulan Februari 1986 kerana melanggar undang-undang tersebut.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Saya berpuas hati dengan penguatkuasaan alat amaran had laju kepada kenderaan berat 4,500 kg. dan ke atas. Ini adalah kerana hampir semua kenderaan berat yang diwajibkan telah pun memasang alat amaran had laju. Sehingga Februari, 1986, sebanyak 287 kenderaan telah dapat dikesan tidak memasang alat tersebut dan dari jumlah tersebut 163 kenderaan telah didenda oleh Mahkamah dan selebihnya masih dalam proses pendakwaan.

GURU DI SEKOLAH- SEKOLAH—KEKURANGAN

25. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah positif bagi mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah khususnya di sekolah rendah kerana dengan kekurangan guru-guru ini akan menjejaskan KBSR yang diperkenalkan sekarang.

Tuan Ng Cheng Kiat: Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah khususnya di Sekolah Rendah adalah:

1. Mengambil lebih ramai lagi bilangan guru-guru pelatih memasuki Maktab-maktab Perguruan.
2. Meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang layak dan berpengalaman.
3. Mengkaji kemungkinan untuk mengambil semula guru-guru terlatih yang telah bersara tetapi masih sihat dan berminat untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
4. Mengisi kekosongan yang ada dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.

PENDAPATAN EKSPORT NEGARA

26. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah 6 bahan eksport yang terbesar bagi Malaysia dari segi pendapatan eksport bersih yang diperolehi oleh negara ini dalam tempoh 3 tahun yang lalu;
- (b) bagaimanakah prestasi industri-industri ini dijangkakan bagi tahun 1986 dari segi hasil pendapatan eksport; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi melindungi prestasi eksport industri-industri ini pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Khee Yong Wee):

- (a) Enam bahan eksport yang terbesar bagi Malaysia dari segi pendapatan eksport bersih ialah barang-barang perkilangan, petroleum mentah, minyak kelapa sawit, getah, kayu kayan dan gas asli cecair (LNG).
- (b) Prestasi industri-industri ini dijangkakan berkurangan pada tahun 1986 disebabkan oleh kemerosotan ekonomi negara-negara yang menjadi rakan dagangan Malaysia, persaingan yang hebat dari negara-negara industri yang baru muncul dan halangan-halangan perdagangan yang ketat dikenakan oleh rakan-rakan dagangan Malaysia.
- (c) Bagi memperbaiki prestasi eksport di atas, Kerajaan telah meningkatkan program-program galakan eksport seperti menghantar lebih banyak rombongan perdagangan ke luar negeri, mengenalpasti pasaran-pasaran baru, memperbaiki mutu barangan, mengurangkan kos pengeluaran secara

langsung, menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat yang berorientasikan eksport dan memperbaiki insentif-insentif eksport. Selain dari itu Kerajaan juga akan terus mengadakan perbincangan-perbincangan dengan rakan-rakan dagangan sama ada di peringkat duahala, serantau dan pelbagai hala untuk memastikan barang-barang Malaysia terus mendapat pasaran.

PASARAN MODAL— REFORAMSI

27. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha Reformasi yang sewajarnya dibuat terhadap Pasaran Modal di Malaysia ini apabila terdedahnya kelemahan-kelemahan yang serius akibat daripada bencana Industri Pan-Electric, terutama sekali berkenaan dengan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Bahayanya sistem "Self-Regulation" di mana terdapat kepentingan sendiri lebih diutamakan;
- (ii) Modal yang tidak mencukupi di kalangan Firma-firma Broker Saham. (Stock Broker);
- (iii) Terdapatnya operator-operator besar dan sindiket-sindiket yang boleh menguasai pasaran;
- (iv) Penyebaran maklumat yang terhad dan tidak sempurna; dan
- (v) Kurangnya keahlian dan etika profesional yang mempunyai peranan dalam pasaran.

Dato' Oo Gin Sun:

- (i) Operasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah "Self-Regulated" di mana ia tertakluk kepada peraturan-peraturan dengan dikawal oleh satu Jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang terpilih dari kalangan ahli-ahlinya. Tetapi perlu dimaklumkan bahawa sistem "Self-Regulated" ini dilengkapi juga dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang digubal oleh Kerajaan. Baru-baru ini juga pihak Kerajaan telah melantik seorang Pegawai Tinggi Perbendaharaan sebagai wakil Kerajaan (di bawah Seksyen 8 (3) untuk menjadi ahli penuh Jawatankuasa Pengurusan BSKL untuk mengawasi supaya peraturan-peraturan diikuti oleh Jawatankuasa dan seterusnya menentukan agar pasaran sekuriti dapat berkembang dengan baik.
- (ii) Modal syarikat-syarikat broker saham tempatan yang tidak mencukupi (under-capitalised) ini di antara lainnya disebabkan oleh peruntukan dalam artikel persatuan BSKL yang membenarkan hanya individu-individu untuk menjadi pemegang saham atau pekongsi dalam syarikat-syarikat broker. Oleh itu atas arahan Kerajaan, BSKL telah meminda artikel persatuannya untuk membenarkan penglibatan badan-badan korporate yang mempunyai keupayaan meningkatkan modal syarikat-syarikat broker saham.
- (iii) Akta Industri sekuriti, 1983 mempunyai peruntukan yang

mencegah kegiatan-kegiatan yang melibatkan urusanniaga palsu, manipulasi pasaran atau yang mempengaruhi seseorang untuk berurusanniaga saham secara tidak jujur. Kesalahan di bawah akta ini dikenakan denda atau dipenjarakan atau kedua-dua sekali.

- (iv) BSKL sedang membentuk satu sistem Komputer bersepadu di mana apabila siap nanti, sistem penyebaran maklumat akan dapat dipertingkatkan keberkesannya.
- (v) Pihak Kerajaan sentiasa menggalakkan supaya mereka yang terlibat dalam pasaran saham untuk meningkatkan profesyenalisma masing-masing. Penglibatan badan-badan koperate dalam industri sekuriti juga mempunyai tujuan ke arah meningkatkan lagi tahap Profesyenalisma dalam industri ini.

KAPAL SELAM TLDM— PEMBELIAN

28. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pihak Kementerian Pertahanan bercadang membeli kapal selam untuk Tentera Laut Diraja Malaysia. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan sentiasa menjalankan kajian dalam rancangan jangka panjangnya untuk melengkapkan dan mempertingkatkan keupayaan Angkatan Tentera kita dengan berbagai peralatan pertahanan yang lebih lengkap dan moden. Penggunaan kapal selam merupakan sebahagian daripada rancangan

pembangunan Angkatan Tentera amnya dan Tentera Laut Diraja khasnya.

Walau bagaimanapun sebelum sesuatu pembelian alat pertahanan dirancangan, kajian yang terperinci selalunya hendaklah dijalankan. Ini adalah supaya setiap pembelian alat pertahanan ini dapat memenuhi faktor pertahanan keseluruhannya. Buat masa ini penggunaan kapal-kapal selam adalah dalam peringkat perancangan dari pembelinya untuk kegunaan TLDM bergantung kepada beberapa faktor, terutamanya kedudukan kewangan negara yang tidak mengizinkan sekarang.

DASAR EKONOMI BARU— LANJUTAN

29. Tuan Kuan Peng Soon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Dasar Ekonomi Baru akan dilanjutkan sungguhpun taraf ekonomi Bumiputera sudah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Mengenai soalan ini, Kerajaan telah pun menegaskan sebelum ini bahawa Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan mengenai masa depan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat walau apa pun kemajuan yang akan dicapai di bawah Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990, kemiskinan dan keadaan ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan ethnik akan terus wujud dan ini tidak akan menggalakkan dari sudut pencapaian matlamat akhir kita iaitu perpaduan negara. Berdasarkan keadaan ini, Kerajaan berpendapat walaupun Dasar Ekonomi Baru dalam bentuknya seperti sekarang akan tamat pada tahun 1990, beberapa unsur utama Dasar Ekonomi Baru

yang bertujuan mengatasi masalah-masalah kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat perlu diteruskan bagi mencapai matlamat keadilan sosial dan perpaduan negara yang sebenarnya.

HARGA BUKU YANG DIIMPORT

30. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyelaras dan menurunkan harga buku-buku yang diimport.

Tuan Kee Yong Wee: Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menurunkan harga barang-barang supaya tidak akan membebankan orang ramai terutama dalam suasana kemelesetan ekonomi pada masa ini. Mengenai buku-buku import, harganya diulangkaji tiap-tiap enam bulan sekali. Faktor-faktor yang diambil kira untuk menentukan harga buku import ini ialah kadar pertukaran mata wang asing/Ringgit Malaysia, harga buku, diskaun perdagangan, stok mati, kos operasi seperti pengangkutan, insuran, "overhead", diskaun kepada peruncit dan pulangan kepada pelaburan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sekarang sedang mengulangkaji harga buku-buku import, berdasarkan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi. Jika didapati sesuai untuk diturunkan harganya, Kementerian akan menurunkannya.

PENCEMARAN OLEH BUANGAN TERNAKAN BABI

31. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama beliau sedar bahawa adanya pencemaran di kawasan Batu Maung di Pulau Pinang akibat

kegiatan menternak babi dan kecemaran lumpur merah (dari tanah merah yang ditimbus) di beberapa kawasan berhampiran Batu Feringgi, jika sedar:

- (a) apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil;
- (b) kemungkinan kecemaran seluruh pantai mengurangkan minat pelancong ke Pulau Pinang;
- (c) kemungkinan mengakibatkan putus mata pencarian nelayan kecil terutama perusahaan menternak kerang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Saya sedar bahawa adanya masalah pencemaran di kawasan Batu Maung di Pulau Pinang akibat kegiatan menternak babi dan kecemaran lumpur merah di beberapa kawasan Batu Feringgi yang mungkin mengurangkan minat pelancong ke Pulau Pinang.

Kementerian saya telah mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah pencemaran oleh buangan-buangan ternakan babi yang terdapat di seluruh negara. Satu Jawatankuasa Kebangsaan terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan, Jabatan Haiwan, Universiti Pertanian Malaysia, SIRIM dan Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah ditubuhkan untuk meneliti dan mengkaji masalah penternakan babi di seluruh negara dan menetapkan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Tindakan-tindakan tersebut ialah:

- (a) Menjalankan kajian kemungkinan bagi menentukan keadaan sebenar pencemaran oleh buangan-buangan ternakan babi dan menetapkan sistem pengolahan yang sesuai.

- (b) Menyelaraskan kajian pembentukan teknologi kawalan bagi buangan ternakan babi oleh pihak SIRIM dan Universiti Pertanian Malaysia.

Tentang masalah pencemaran buangan ternakan Negeri Pulau Pinang dan kemungkinan mengakibatkan putus mata pencarian nelayan kecil terutama perusahaan menternak kerang, saya difahami bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun meminta peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk pembinaan sebuah sistem pengolahan berpusat bagi mengolah buangan tersebut. Dalam pada itu, pihak Perbadanan Pembuangan Pulau Pinang pula telah siap membina satu sistem kolam pengolahan yang bernilai \$500,000 untuk mengolah buangan di kawasan Batu Maung. Dengan itu, kesan pencemaran dari punca tersebut akan dapat dikurangkan.

Penyelesaian masalah ini ialah supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan untuk membolehkan penternak-penternak babi menjalankan ternakan mereka di tempat lain yang diperuntukkan dan yang jauh dari kawasan perumahan atau aliran sungai.

Tentang pencemaran lumpur merah pula, ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya yang akan memberi perhatian ke atas perkara ini. Jabatan Kerja Raya telah pun menghentikan segala kegiatan menimbus tanah di beberapa kawasan berhampiran Batu Feringgi yang dijalankan oleh pihak pemaju.

TAMAN PERUMAHAN/PUSAT PERNIAGAAN—KEMUDAHAN

32. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian mengenai taman-taman perumahan dan pusat perniagaan yang mana

sebilangan besar daripadanya tidak mempunyai kemudahan seperti Balai Polis, Balai Bomba, Pejabat Pos dan Pejabat Telekom. Keadaan ini menimbulkan berbagai masalah bagi penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Kementerian telah mengadakan piawaian perancang di mana bilangan dan keluasan tapak bagi satu-satu kemudahan asas dan sosial seperti Balai Polis, Balai Bomba, Telekom, Klinik dan sebagainya, perlu diadakan di dalam sesuatu kawasan perumahan dan pusat perniagaan. Kementerian ini telah menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memakai piawaian perancang ini apabila menimbang sesuatu permohonan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

33. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Luar Negeri menyatakan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat China pada bulan November/Disember, 1985. Apakah perjanjian, termasuk perdagangan, pertahanan, kebudayaan dengan Republik, itu telah dicapai dan ditandatangani.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China telah pun dimaklumkan di Dewan ini pada 4hb Disember, 1985. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan Yang Mulia, sukacita saya menekankan objektif lawatan tersebut adalah untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Republik Rakyat China. Dalam konteks ini beberapa perjanjian telah ditandatangani di mana antara lain termasuk Memorandum persefahaman di antara Majlis Dewan bersama Melayu—China dengan

Majlis Menggalak Perdagangan Antarabangsa China (China Council for the Promotion of International Trade), untuk mempertingkatkan perdagangan terus di antara Malaysia dengan China. Di samping itu, perjanjian mengelakkan cukai dua kali juga telah ditandatangani semasa lawatan tersebut.

Selain perjanjian di atas, Syarikat Sabah Gas Industries telah berjaya menandatangani surat perjanjian untuk menjual sebanyak 200 ribu tan besi HBI kepada pihak China. Begitu juga dengan peniaga-peniaga Malaysia yang mengikut rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengikat kontrak penjualan sebanyak 56 juta ringgit. Perjanjian yang lain ditandatangani berjumlah sebanyak 480 juta ringgit di dalam bidang pembinaan dan perhiasan reka bentuk dalam.

Ini adalah satu kejayaan yang dicapai semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China.

TIMAH ANTARABANGSA— KRISIS

34. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan atau langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatasi krisis timah antarabangsa.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, krisis timah Majlis Timah Antarabangsa (ITC) berasal daripada lebihan bekalan timah yang terdapat di dalam pasaran manakala penggunaan timah kekal dan stabil buat beberapa tahun yang lepas. Berikutan daripada krisis timah ini, Malaysia telah memberikan sokongan yang positif di peringkat perundingan di ITC untuk mengatasi krisis timah antarabangsa sehingga bersetuju menerima rancangan penyelamat yang dikemukakan oleh pihak piutang

melalui ITC. Akan tetapi kata sepakat telah tidak dapat dicapai di peringkat ITC untuk membolehkan rancangan penyelamat tersebut dilaksanakan.

Dengan kegagalan rancangan penyelamat ITC itu, harga timah telah jatuh dari kira-kira £6,000 se tonne kepada kira-kira £3,000-4,000 se tonne di Eropah, manakala di Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) pula, harga timah telah jatuh dari paras \$21/kg. kepada kira-kira \$15/kg. Akhir-akhir ini KLTM telah tidak mengeluarkan harga pasaran oleh kerana para pelombong telah enggan menjual timah mereka disebabkan harga yang ditawarkan dikatakan kurang dari \$15/kg. Mulai 1hb April yang lepas, ITC telah menarik balik penguatkuasaan kawalan eksport dan ini bermakna bahawa pasaran timah adalah terdedah kepada faktor permintaan dan penawaran yang bererti bahawa kini telah wujud pasaran bebas bagi timah. Daripada perkembangan ini, bolehlah dijangkakan pengubahsuaian struktur akan berlaku pada semua negara-negara pengeluar timah ke arah mengimbangkan kemasukan bekalan timah ke dalam pasaran supaya lebih bekalan timah ini akan akhirnya pupus.

Di pihak Kerajaan, beberapa buah Kerajaan Negeri telah pun bersetuju melanjutkan tempoh pajakan lombong serta membenar dan menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, dan juga menternak. Berikutan kejatuhan harga minyak mentah, harga minyak diesel telah juga dikurangkan dan ini akan dapat membantu para pelombong, khususnya pelombong-pelombong pam kerikil, di dalam mengurangkan kos pengeluaran mereka. Sebagai usaha mencari penyelesaian ke atas masalah yang dihadapi oleh timah dan lain-lain barangan utama, suatu seminar

barangan utama akan diadakan di peringkat nasional pada 21-24 April 1986. Seminar yang akan dihadiri oleh pakar-pakar barangan utama daripada pihak swasta, universiti, persatuan dan Kerajaan akan berbincang dan mencari jalan mengatasi masalah yang dihadapi dan adalah diharapkan rumusan serta perakuan sewajarnya diperolehi daripada seminar tersebut bagi membantu sektor barangan utama, termasuk timah.

POLARIZATION— MENGHAPUSKAN

35. Dato G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan berdasarkan kepada hasrat Kerajaan untuk menghapuskan polarization, adakah Kerajaan bertujuan untuk menghapuskan catatan perkataan seperti “Keturunan” dan “Bangsa” dalam sijil-sijil, dokumen-dokumen dan borang-borang tertentu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebenarnya, Kerajaan telah pun mengambil langkah dengan mengedarkan surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 1975 iaitu menggalakkan digunakan istilah “Kewarganegaraan” kerana catatan perkataan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak sihat dalam konteks perpaduan negara. Walau bagaimanapun bagi hal-hal tertentu seperti tujuan perangkaan Dasar Ekonomi Baru, hospital, banci dan sebagainya perkataan-perkataan “Keturunan”/“Bangsa” masih digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan pentadbiran.

RUMAH KOS RENDAH— MATLAMAT

36. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa memandangkan kepada pengumuman Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri untuk membina sebanyak 8,000 rumah awam kos rendah bagi setiap tahun mulai dari 1986 hingga 1988 sudahkah Kerajaan mengambil tindakan untuk merancang dengan terperinci untuk melancarkan rancangan tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Bagi mencapai matlamat 80,000 unit rumah kos rendah setahun untuk 3 tahun mulai tahun 1986, Kerajaan telah dan sedang merangka tindakan yang terperinci sesuai bagi menentukan kejayaan program khas ini. Di antara tindakan-tindakan yang diambil termasuklah:

- (i) Mengujudkan satu sistem penyelarasan yang berkenaan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti. Dua jawatankuasa utama telah pun ditubuhkan di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi tujuan ini. Semua Kerajaan Negeri telah juga menubuhkan Jawatankuasa dengan maksud yang sama di peringkat negeri.
- (ii) Menggalakkan penyertaan sektor swasta secara lebih aktif lagi dalam pembinaan rumah kos rendah dengan cara mempermudah proses-proses pembangunan perumahan seperti penubuhan pusat serenti di semua negeri dan sebagainya.
- (iii) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam bentuk "bridging" dan "end-financing" bagi menjayakan program khas ini.
- (iv) Kajian sedang dijalankan bagi menggalakkan pemasaran rumah menerusi usaha-usaha menurunkan kos unit dengan cara mengurangkan kos pembangunan dan bayaran-bayaran yang dikenakan

kepada pembeli-pembeli. Kadar faedah yang rendah (10%) akan juga dikenakan kepada pembeli untuk pinjaman perumahan.

- (v) Mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah program khas ini melalui penggunaan pelan-pelan seragam dan prosidur-prosidur yang lebih kemas lagi dalam bentuk garis panduan-garis panduan.
- (vi) Mengujudkan satu sistem pengesanan yang berkesan melalui penubuhan bilik-bilik gerakan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri.

PENGEDAR DADAH YANG DITANGKAP

37. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pengedar dadah yang telah ditangkap pada tahun 1984 dan 1985 dan daripada angka tersebut nyatakan bilangan warganegara asing yang terlibat di dalam pengedaran dadah tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Jumlah pengedar dadah yang ditangkap pada tahun 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

Tahun 1984 ..	472 orang
Tahun 1985 ..	538 orang
JUMLAH ..	1,010 orang

Dari jumlah ini bilangan warganegara asing yang terlibat ialah 58 orang pada tahun 1984 dan 38 orang pada tahun 1985.

HOSPITAL—RAWATAN KEPADA PESAKIT

38. Tuan Haji Ibrahim bin Ujang minta Menteri Kesihatan menyatakan

adakah Kementerian sedar beberapa kelewatan dan kecuaiian bagi memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit di hospital, jika sedar apakah langkah-langkah segera yang telah atau yang akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ban Hon Keong): Pada amnya kakitangan yang berkhidmat di hospital-hospital berdisiplin, dedikasi dan memberi layanan yang memuaskan kepada pesakit-pesakit.

Adalah dimaklumkan bahawa bilangan pesakit dalam hospital-hospital Kerajaan pada tahun 1980-1985 telah meningkat dari 734,765 ke 796,691 dan bilangan pesakit luar dari 14,779,677 ke 14,596,072 setahun. Dalam tempoh masa yang sama bilangan pegawai perubatan telah bertambah dari 1,797 ke 2,387. Dengan bertambahnya doktor ini, masa menunggu dan kelewatan di hospital-hospital telah dapat dikurangkan.

Kementerian Kesihatan memandang berat sekiranya berlaku kes-kes kecuaiian. Aduan-aduan mengenai kecuaiian yang diterima akan disiasat dengan teliti, dan jika benar tindakan akan diambil ke atas kakitangan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, aduan-aduan tersebut hendaklah spesifik dan tidak secara am sahaja, kerana ini bukan sahaja rumit untuk disiasat tetapi juga tidak adil dan akan melemahkan semangat mereka yang benar-benar bekerja kuat, berdedikasi dan tekun. Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk membaiki mutu perkhidmatan yang diberi di hospital-hospital misalnya doktor-doktor baru yang tamat menjalankan housemanship diberi peluang mendapat pengalaman di dalam bidang perubatan yang mana mereka tidak dapat bertugas semasa latihan. Pakar-pakar juga

menjalankan klinik lawatan di hospital daerah di mana mereka memberi latihan dan penyeliaan kepada doktor-doktor di hospital berkenaan. Tambah lagi, dalam beberapa tahun yang lalu, Kementerian telah juga membaiki banyak aspek procedure dan mewujudkan dan mengubahsuaikan beberapa kemudahan-kemudahan bagi rawatan pesakit-pesakit di hospital-hospital. Dengan segala langkah ini mutu rawatan yang diberi di hospital-hospital juga dapat dipertingkatkan. Kementerian akan terus memberi perhatian untuk membaiki lagi dan mempertahankan mutu perkhidmatan dan layanan yang diberi kepada orang ramai.

OPERASI ISI PENUH— KEKOSONGAN JAWATAN

39. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak Operasi Isi Penuh di Kementerian dan di Jabatan-jabatan Kerajaan berapa jumlah jawatan kosong yang diperlukan untuk kepentingan negara dan rakyat yang disediakan;
- (b) dari jumlah itu berapa banyak yang diisi dari jawatan tingkatan A, B, C, dan D; dan
- (c) adakah Kerajaan akan meneruskan sistem Operasi Isi Penuh ini hingga beberapa tahun lagi, atau operasi ini ditutup sahaja memandangkan pengisian jawatan dalam Kerajaan makin berkurangan dan mereka yang keluar dari Pusat Pengajian Tinggi, menengah semakin hari semakin ramai.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah kekosongan jawatan sejak Operasi Isi Penuh ialah 53,183. Jumlah kekosongan itu adalah

meliputi kekosongan pada tarikh pelancaran operasi ini penuh dan kekosongan jawatan yang timbul dari semasa ke semasa seperti pengwujudan jawatan baru melalui waran perjawatan, persaraan dan perletakan jawatan. Jumlah kekosongan yang diisi ialah sebanyak 49,221 jawatan iaitu 37,380 kumpulan "C" dan 11,841 kumpulan "D". Pengambilan kakitangan awam yang diuruskan di bawah Sistem Operasi Isi Penuh hanya tertumpu kepada jawatan-jawatan kumpulan "C" dan "D" sahaja.

Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan pengambilan di bawah Operasi Isi Penuh dan urusan ini akan berakhir pada 31-12-1986.

PENCEMARAN ASAP KENDERAAN

40. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, jumlah bilangan kenderaan yang telah disaman akibat pencemaran asap kenderaan bagi tahun 1985 serta jumlah bayaran kompaun yang telah dikenakan ke atas pemandu dan pengusaha kenderaan tersebut.

Datuk Amar Stephan Yong Kuet Tze: Bilangan kenderaan yang disaman akibat pencemaran asap berlebihan adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1983 ..	2,509 buah
Bagi tahun 1984 ..	2,620 buah
Bagi tahun 1985 ..	2,059 buah

Jumlah bayaran kompaun yang telah dibayar oleh pemandu dan pengusaha kenderaan adalah:

Bagi tahun 1983 ..	sebanyak \$65,406.00
Bagi tahun 1984 ..	sebanyak \$106,930.00
Bagi tahun 1985 ..	sebanyak \$46,760.00

SKIM LATIHAN USAHAWAN BUMIPUTERA—KURSUS

41. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan Skim Latihan Usahawan Bumiputra dalam membentuk usahawan yang berpotensi ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru; dan
- (b) pencapaian oleh pelatih-pelatih usahawan yang dihantar ke luar negeri mengikut jenis dan bilangan perniagaan yang telah diwujudkan dan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan semenjak Skim ini diperkenalkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Seperti juga dalam menilai keberkesanan kursus-kursus latihan lain, adalah sukar dalam jangkamasa yang singkat untuk memastikan dengan tepat keberkesanan Skim Latihan Usahawan Bumiputra di luar negeri dalam membentuk usahawan yang berpotensi. Namun begitu jika diukur dari segi pencapaian mengikut objektif-objektif yang telah ditetapkan bagi skim ini, pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa skim ini telah berjaya.

Berasaskan jawapan-jawapan oleh peserta kepada soalselidik penilaian kursus, hampir semua mengatakan mereka telah mendapat pengetahuan mengenai pengurusan perniagaan, pendedahan kepada idea-idea dan teknologi baru serta mendapat peluang mengadakan hubungan perniagaan awal dengan kalangan usahawan luar negeri. Pada asasnya, faedah yang diperolehi oleh peserta-peserta ini berbeza

antara individu dengan individu memandangkan mereka mempunyai tahap kelulusan yang berbeza, bidang perniagaan yang berlainan dan juga mengikuti kursus ini di 16 buah institusi yang terdapat di 12 buah negara.

- (b) Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada soalselidik yang dijalankan setahun selepas peserta menjalani latihan, adalah didapati 49% dari peserta-peserta tahun 1983 dan 37% dari peserta-peserta tahun 1984 telah menubuh dan menjalankan perniagaan-perniagaan baru, di samping menjalankan perniagaan mereka yang sedia ada.

Jenis-jenis perniagaan yang telah ditubuhkan adalah dalam berbagai bidang seperti pembinaan, pembuatan, percetakan, perniagaan alat ganti, kimpalan-kimpalan, perniagaan import-eksport dan berbagai bidang lain. Jumlah mengikut empat bidang utama adalah seperti berikut:

Bidang	1983	1984
Pebinaan	6	10
Pembuatan	12	20
Perkhidmatan ..	14	15
Perdagangan ..	12	20
JUMLAH	44	65

Jumlah perbelanjaan bagi menghantar peserta di bawah skim ini bagi tahun 1983, 1984 dan 1985 ialah kira-kira \$17,707,200.

BUDAK CERDIK PANDAI DI SEKOLAH

42. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada persediaan khas dibuat untuk

budak-budak cerdik pandai bagi menyempurnakan persekolahan mereka dalam masa yang lebih singkat daripada biasa yang ditetapkan, jika ada, sebutkan persediaan-persediaan itu.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran buat masa ini belum lagi bercadang bagi mengadakan persekolahan yang lebih singkat khas untuk kanak-kanak yang bergeliga otaknya.

PETRONAS—PASARAN MINYAK

43. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah bagi meluaskan lagi pemasaran minyak petrol memandangkan harga bahan tersebut kian hari kian merosot.

Datuk Dr James P. Ongkili: Petronas sentiasa menjalankan usaha-usaha bagi meluaskan lagi pasaran minyak yang dikeluarkan di dalam negeri. Di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan ialah dengan menghantar wakil-wakil ke negara-negara pembeli bagi menggalakkan mereka menambahkan pembelian di masa hadapan.

Di samping itu perwakilan juga dihantar ke negara-negara lain untuk mengadakan perundingan dengan bakal-bakal pembeli. Langkah-langkah tersebut adalah bertujuan menambahkan penjualan secara jangka panjang. Usaha-usaha bagi memperluaskan pasaran ini adalah mengambil kira kadar pengeluaran minyak negara bagi memastikan jumlah pengeluaran kita dapat dipasarkan keseluruhannya.

KOMPOSISI KAUM DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

44. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jumlah

pekerja (Working Population) dalam perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain badan berkanun tidak menggambarkan Komposisi Kaum (racial composition) Negara ini dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membetulkan keadaan ini di masa akan datang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya sedar bahawa jumlah pekerja dalam Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun tidak menggambarkan Komposisi Kaum negara ini sebagaimana juga dengan jumlah pekerja dalam sektor swasta. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperseimbangkan di mana perlu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE FILIPINA

45. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mendahului semua Ketua Negara ASEAN dengan cara membuat lawatan rasmi ke Negara Filipina.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini saya tidak mempunyai rancangan untuk melakukan lawatan rasmi ke Filipina. Lawatan ke sesebuah negara bukan merupakan satu perlumbaan di antara satu negara dengan negara yang lain, tetapi lebih bergantung kepada perkara-perkara hubungan dua hala yang hendak dibincangkan di antara negara-negara berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya bersedia berkunjung ke Manila sekiranya terdapat persetujuan bersama dari kesemua negara ASEAN untuk mengadakan Sidang Kemuncak ASEAN dan memilih Manila sebagai tempat persidangan tersebut pada tahun hadapan dan perkara ini sedang diperbincangkan oleh pegawai-pegawai kanan ASEAN.

Sukacita saya menyebut di sini bahawa Malaysia menyambut baik perkembangan politik di Filipina baru-baru ini serta usaha-usaha Presiden Corizon Aquino untuk memulihkan kestabilan politik dan keadaan ekonomi. Malaysia juga menyambut baik kenyataan Presiden Corizon Aquino bahawa Kerajaan beliau akan menitikberatkan kerjasama antara negara-negara ASEAN dan dengan ini berharap bahawa perhubungan dua hala Malaysia dan Filipina akan dapat dipertingkatkan.

LOKOMOTIF—BILANGAN

46. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kepala keretapi yang digunakan oleh KTM untuk membawa penumpang-penumpang dan barang-barang; tidakkah KTM bercadang untuk menambah jumlah yang ada sekarang atau menukar kepada yang baru.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Pada masa ini, pentadbiran KTM mempunyai 95 lokomotif (Kepala Keretapi) untuk kegunaan tren-tren penumpang dan tren-tren barang.

KTM memang bercadang untuk menambah lokomotif bagi menemui keperluan masa kini dan masa akan datang dan juga untuk menggantikan lokomotif-lokomotif yang telah berusia lebih dari 25 tahun. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan telah pun diberi untuk membeli 26 buah lokomotif untuk menggantikan lokomotif-lokomotif yang telah berusia dan juga didapati tidak berekonomik lagi untuk digunakan seterusnya.

PERBADANAN KAYU NASIONAL

47. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau bercadang menubuhkan perbadanan

seperti Perbadanan Kayu Nasional Perbadanan Logam Nasional dan lain-lain bagi menolongkan bumiputra maju dalam bidang-bidang tersebut, kalau tidak mengapa.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Mengenai cadangan untuk menubuhkan Perbadanan seperti Perbadanan Kayu Nasional, Perbadanan Logam Nasional dan lain-lain, ingin saya maklumkan bahawa pada masa ini tidaklah perlu diadakan perbadanan-perbadanan seperti ini kerana pihak-pihak berkuasa seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bagi kayu-kayan dan Jabatan Galian bagi logam serta lain-lain agensi Kerajaan telah sedia ada yang bertanggungjawab ke atas kemajuan bumiputra dalam bidang-bidang tersebut.

HOSPITAL ANGKATAN TENTERA KINRARA

48. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan-bangunan dan alat-alat perubatan di Hospital Angkatan Tentera di Kinrara adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan. Jika sedar, nyatakan langkah-angkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk membetulkan keadaan itu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Hospital Angkatan Tentera Kinrara adalah merupakan pusat kepada 95 Hospital Angkatan Tentera, ianya telah diluluskan pada bulan Julai 1983. Bangunan Hospital ini adalah bangunan lama peninggalan Tentera British yang telah dikosongkan oleh Tentera British sejak dari tahun 1956 hingga tahun 1965. Sebagai bangunan lama sudah tentu ianya tidaklah secantik bangunan baru yang serba moden. Kementerian saya sedar tentang keadaan bangunan Hospital tersebut dan usaha telah pun dibuat untuk

memperbaiki bangunan yang lama itu termasuklah mengubahsuaikan wad-wad di hospital tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan beberapa peralatan yang moden yang diperolehi untuk kepakaran-kepakaran yang ada, hospital Kinrara ini adalah setanding dengan hospital-hospital Kerajaan di negara kita.

KOMPUTER—PENGELUARAN

49. Tuan D. P. Vijandaran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedang mencari firma-firma luar negeri untuk membuat komputer di Malaysia, sekiranya tidak, mengapa.

Tuan Kee Yong Wee: Kerajaan menggalakkan dengan cergasnya pengeluaran komputer oleh pengusaha-pengusaha asing dan tempatan. Setakat ini 7 buah projek sudah diberikan Lesen Pengilang dengan galakan taraf perintis untuk mengeluarkan komputer. Kerajaan akan terus berusaha untuk mencari lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha asing dan tempatan untuk mengeluarkan komputer di Malaysia.

KURSUS PERALIHAN BEKAS PERAJURIT

50. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai antara bekas perajurit yang tamat tempoh perkhidmatan mereka tidak dapat menggunakan pelajaran dan latihan amali yang mereka pelajari semasa latihan Kursus peralihan untuk mereka berdikari dan menambah pendapatan mereka. Sebaliknya mereka terus bekerja dengan Kerajaan atau swasta, adakah pihak Kementerian bercadang:

(a) mengkaji semula program latihan peralihan;

- (b) mengawasi dan memberi panduan kepada mereka selepas bersara; dan
- (c) melanjutkan masa kursus peralihan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah tidak benar bahawa ramai di antara bekas perajurit yang tidak dapat menggunakan pelajaran dan latihan yang mereka pelajari semasa mengikuti Latihan Peralihan selepas tamat tempoh perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat Latihan Peralihan adalah bertujuan untuk melengkapkan bakal bekas perajurit dengan kemahiran dan pengalaman supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan penghidupan baru selepas tamat tempoh perkhidmatan. Latihan Peralihan menyediakan bakal bekas perajurit untuk membuat pilihan sama ada menjadi seorang usahawan atau sebagai pemakan gaji. Sebilangan besar daripada bakal bekas perajurit telah memilih bidang penyesuaian sambil kerja semasa menjalani latihan peralihan yang menyediakan mereka sebagai pemakan gaji dalam tahun 1985. Di samping itu bagi mereka yang menjalani latihan peralihan dalam bidang—keusahawanan penyertaan mereka dalam bidang tersebut selepas tamat tempoh perkhidmatan adalah banyak bergantung kepada suasana ekonomi negara yang ada sekarang.

- (a) Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji program latihan Peralihan dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan ekonomi;
- (b) Kementerian Pertahanan sentiasa mengawasi dan memberi bantuan kepada bekas-bekas perajurit. Di samping itu Kementerian Pertahanan memberi khidmat nasihat usahawan serta membantu bekas-bekas perajurit mendapatkan

pekerjaan, lesen-lesen, permit, tapak perniagaan dan membantu mereka menyertai rancangan penerokaan tanah; dan

- (c) Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh Latihan Peralihan oleh kerana tempoh Latihan Peralihan yang ada sekarang iaitu di antara 3 bulan sehingga 18 bulan mengikut bidang-bidang yang tertentu adalah mencukupi.

BOT PENUMPANG— KESELAMATAN

51. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masih terdapat pengusaha-pengusaha bot-bot penumpang-penumpang melanggar undang-undang bersabit dengan keselamatan penumpang. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengusaha bot yang karam di Pulau Langkawi pada tempoh hari.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Adalah dimaklumkan bahawa semua pejabat laut dari Jabatan Laut telah pun diarah menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada terutamanya peruntukan-peruntukan mengenai keselamatan bot-bot penumpang. Seperti yang saya telah memberitahu Dewan Rakyat pada 21-3-86, adalah sukar bagi Jabatan Laut dan juga pihak Polis Marin untuk mengawal perairan Malaysia secara menyeluruh. Kerjasama orang ramai dan khasnya penumpang-penumpang adalah perlu bagi menentukan bahawa bot-bot yang mereka hendak naiki itu adalah bot-bot yang berlesen dan mempunyai alat-alat keselamatan serta jurumudi seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Saya merayu kepada orang ramai termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat, tampil ke hadapan untuk

melapor kepada Jabatan Laut atau Jabatan Polis jika ada terdapat bot-bot penumpang yang melanggar undang-undang. Kerjasama orang ramai adalah asas keselamatan pengangkutan di perairan kita.

Mengenai tindakan terhadap pengusaha bot yang karam di Pulau Langkawi itu, Kerajaan akan mengambil tindakan di bawah Undang-undang Akta Perkapalan Saudagar 1952 dan pihak yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah tidak lama lagi.

GARIS PANDUAN KEPADA AKHBAR/WARTAWAN

52. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau berhajat mengeluarkan satu "garis panduan" terperinci kepada pihak akhbar/wartawan mengenai Akta Rahsia Rasmi Kerajaan bagi memudahkan pihak berkenaan menjalankan tugas ketika membuat liputan peristiwa berkaitan untuk mengelakkan mereka dihadapkan ke mahkamah kerana kesalahan di bawah Akta tersebut.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai): Kementerian saya tidaklah bercadang mengeluarkan "garis panduan" terperinci, oleh kerana peruntukan serta peraturan-peraturan telah pun jelas digariskan di dalam Akta yang berkaitan (Akta Rahsia Rasmi beserta pindaan-pindaan yang dicadangkan). Walau bagaimanapun sekiranya keadaan memerlukan, penerangan-penerangan yang sewajarnya boleh diusahakan.

Akta yang telah disebutkan tadi tidaklah ditujukan semata-mata kepada golongan wartawan sahaja, malah ianya adalah satu undang-undang yang ditujukan kepada semua rakyat. Ianya mempunyai peruntukan-peruntukan tegas terhadap mereka yang mencuaikan tugas dalam

mengendalikan rahsia negara atau perkara-perkara bercorak penting dalam tugas-tugas rasmi.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal

Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

USUL

JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam:

1. Yang Berhormat Dato' Dr Mohamad Yusof Noor;
2. Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee;
3. Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam; dan
4. Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah bin Che Wan.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya

ialah bahawa usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam:

1. Yang Berhormat Dato' Dr Mohamad Yusof Noor;
2. Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee;
3. Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam; dan
4. Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah bin Che Wan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.45 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan

menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam”.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan yang singkat dan padat ini amat mudah difahami, sama ada didengar atau dibaca apa yang tersurat, tetapi saya kira seharusnya semua pihak bukan sahaja harus memahami Titah Ucapan ini sekadar apayang tersurat, lebih-lebih lagi apa yang tersirat di dalam kandungan yang ringkas dan padat ini. Negara telah mencapai kemerdekaan sudah 29 tahun ini, berulang kali Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong melahirkan rasa tanggungjawab dan kasih kepada negara dan rakyat dengan secara memberi pesan-pesan yang tidak putus-putus melalui Ucapan Titah di dalam persidangan Dewan ini. Kali ini, sekali lagi Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong menyampaikan pesan melalui Titah ini, terutama berulang kali disebut dan diulang di dalam Titah Ucapan, khususnya di dalam masalah ekonomi.

Barangkali telah menjadi rahsia umum keadaan kemerosotan ekonomi di seluruh dunia sehingga membabitkan membawa kemerosotan ekonomi di negara kita juga. Mungkin inspirasi daripada ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan dengan nyata betapa pentingnya soal ekonomi negara dan rakyat ditonjol dan diambil perhatian oleh semua pihak, terutama oleh pihak pemerintah dan oleh pihak rakyat, lebih-lebih lagi pihak pelaksanaan segala dasar yang akan diatur oleh pihak pemerintah untuk disampaikan kepada rakyat supaya matlamat untuk membangun ekonomi kepada rakyat terlaksana dengan erti kata yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang tersirat di dalam kandungan Titah Ucapan yang ringkas ini berpandukan keadaan perkembangan ekonomi dunia khususnya yang ditanggung oleh negara-negara lain sama ada negara yang telah maju atau negara-negara yang sedang membangun seperti di negara kita ini. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa negara kita ini masih mampu mempertahankan daripada bencana kemerosotan ekonomi ini tidak seperti negara-negara setengah-setengahnya, bahkan Kerajaan kita melalui program-program yang telah diatur begitu rapi, kita masih lagi mampu meningkatkan taraf ekonomi rakyat di negara kita ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri yang mana di dalam dekad melaksanakan Rancangan Malaysia yang Keempat, negara kita sudah mampu meningkatkan kepada 6% kenaikan ketinggian ekonomi di negara kita ini. Tetapi banyak negara-negara lain yang terpaksa mengalami keadaan yang sungguh-sungguh menyedihkan, umpamanya kita pernah dengar beberapa negara di dalam dunia sekarang ini, berkebetulan yang terjadinya bencana alam semasa kemerosotan ekonomi dunia sehingga terdapat ada negara-negara yang terpaksa menanggung kematian rakyat mereka kerana kelaparan, bukan satu, bukan belasan, bukan puluhan, ratusan, ribuan, bahkan beratus-ratus ribu, sehingga menjangkau angka kepada jutaan dan ada negara-negara yang lebih maju daripada kita tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi kemerosotan ekonomi dunia ini sehingga juga terpaksa menanggung kekurangan bahan-bahan yang tertentu, terutama bahan-bahan yang diperlukan oleh rakyat di dalam negara itu sendiri.

Justru yang demikianlah saya percaya Kebawah Duli Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong telah tegas dan berulang kali mengingatkan kepada Kerajaan, kepada rakyat pihak pelaksanaan di dalam soal ekonomi ini perlu ambil perhatian yang sungguh-sungguh dan pelaksanaan yang sungguh-sungguh agar mudahan-mudahan kecelakaan yang terpaksa ditanggung oleh setengah-setengah negara lain tidak akan terkena kepada negara kita ini. Apatah lagi kepada rakyat yang dikasihi oleh Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Maka dengan sebab itulah Kerajaan telah mengatur, menyusun berbagai-bagai perancangan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki di dalam Titah Ucapan ini. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Seri Paduka Baginda mengingatkan lagi kepada kita terutama bagi tahun 1986 ini ialah sebagai satu tahun yang menghadapi berbagai cabaran khususnya di bidang ekonomi. Kebetulan pada tahun 1986 ini juga akan bermulanya pelancaran Rancangan Malaysia Kelima. Walau mungkin apa yang terkandung dan tersusun di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini tidak segagah apa yang disusun di dalam Rancangan Malaysia Keempat, namun sejajar, setimpal dengan kemampuan dan matlamat yang hendak dicapai oleh negara kita ini bagi kepentingan rakyat jelata di dalam negara kita ini seluruhnya.

Saya kira ingatan ini perlu diambil perhatian yang sungguh-sungguh terutama oleh pihak pemerintah sendiri. Saya menyokong penuh Titah Kebawah Duli Tuanku ini terutama untuk memesatkan perkembangan ekonomi di negara kita ini. Di antara perancangan yang telah diatur ialah untuk memperkembangkan industri kecil di samping mempertahankan industri-industri yang telah sedia ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rancangan industri kecil ini untuk

diperkembangkan ialah di antara rancangan-rancangan yang amat baik dan sejajar dengan keadaan masa sekarang ini, cuma saya suka mengingatkan bagi pihak pelaksana, dasar-dasar Kerajaan ini supaya menyedari hakikat keadaan yang ada ini, memahami matlamat yang dikehendaki di dalam dasar ini khususnya untuk memperkembangkan industri kecil ini. Walaupun industri kecil ini kita sudah sekian lama diperkatakan dan telah pun dicuba untuk diperkembangkan tetapi kita tidak putus-putus menghadapi dengan berbagai-bagai masalah. Walaupun kita sedar industri kecil ini ialah salah satu daripada cara untuk membaiki ekonomi di negara kita ini, tetapi tidak cukup hanya dengan mengadakan dasar dan menggalakkan industri kecil ini sahaja tanpa mengkaji kemudahan-kemudahan yang terperinci kepada golongan-golongan yang ingin melibatkan diri untuk mengambil bahagian di dalam percambahan industri kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dengar ada orang yang hendak membangunkan industri kecil tetapi hendak membangunkan industri kecil ini ada kalanya lebih susah daripada hendak membangunkan industri besar dan berat kerana peraturan-peraturan kita yang begitu ketat dan menjaga peraturan-peraturan yang begitu rapi sehingga untuk mengadakan satu tapak atau bangunan industri kecil kita memerlukan kelulusan demi kelulusan, berbelas-belas Jabatan, perlu lulus daripada Jabatan Majlis Daerah, perlu lulus daripada Jabatan Kerja Raya, daripada JPT dan sebagainya. Saya pernah dikatakan oleh seorang rakan untuk melibatkan diri di dalam membangun industri kecil ini setidak-tidaknya perlu mendapat kelulusan daripada 14 Jabatan yang terlibat dengan pelaksanaan ini. Sudah begitu, bentuknya pula hendaklah dijaga sehingga sampai lebar tiang, tinggi

tiang, besar tiang pun perlu diukur sehingga ada kala terlintas untuk mendirikan industri kecil untuk membuat paku terpaksa hendak dibuat bangunan seperti untuk mengadakan sebuah istana. Ini perlu dikaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan melawat negara jiran. Saya lihat mereka mengadakan industri kecil, ada kala bangunan yang dibuat bertiangkan kayu bulat beratapkan nipah, tetapi boleh mengeluarkan bahan bukan sahaja untuk digunakan di dalam negeri bahkan boleh dieksport ke luar negeri. Satu contoh yang dekat, umpamanya bagaimana industri-industri kecil di Thailand mengeluarkan payung. Kita di Malaysia beli payung. Saya pernah melawat industri mereka, dindingnya daripada buluh, atapnya daripada rumbia, tiangnya kayu bulat, namun payung yang dibuat oleh industri ini laris dibeli oleh orang-orang kita di Malaysia. Saya pernah melihat satu industri kecil mengeluarkan engsel-ensel pintu juga yang dibuat di satu bangunan yang demikian rupa, namun engsel-ensel ini begitu laris dibawa masuk ke negara kita ini dan dibeli oleh kita. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada di antara engsel-ensel pintu yang dikeluarkan oleh industri kecil di Negeri Thailand yang beratapkan rumbia, yang bertiang bulat, terguna di dalam Bangunan Parlimen kita yang gagah ini.

Saya suka mengambil perhatian bagi melaksanakan rancangan yang baik ini, untuk menampung penyusunan ekonomi di dalam dekad yang ada ini, keadaan ini adalah perlu diambilkira.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hendak mengawasi agar negara kita tidak akan terlalu teruk menghadapi kemerosotan ekonomi ini bagi kepentingan rakyat, Kerajaan juga berusaha untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri kita ini.

Memang ini adalah di antara cara-cara yang baik, tetapi kita jangan lupa apa maknanya kalau kita mampu menarik pelabur-pelabur asing, sedangkan pelabur-pelabur di negara kita sendiri melabur ke tempat lain pula?

Kita selalu diletupkan dengan berita-berita yang memeranjatkan, kita diletupkan dengan berapa banyak wang negara kita dilaburkan di negara lain, sehingga menjadi satu isu yang besar di negara kita ini, umpamanya peristiwa BMF. Di dalam masa beria-ia kita mencari pelabur-pelabur asing tanpa disedari wang kita dilaburkan ke tempat lain. Sudahlah dilaburkan ke tempat lain, labur yang tidak berpengkalan dan baru-baru ini ada lagi terletup pula di Singapura. Saya kira di samping menyokong tindakan Kerajaan kita untuk menarik sebanyak ramainya pelabur-pelabur asing ke negara kita ini, perlu juga diawasi dengan secara yang agak lebih ketat agar modal dan wang kita daripada negara kita ini tidak dengan sewenang-wenang dilaburkan ke tempat lain, kerana kalau ini berlaku mungkin juga akan menjadi persoalan kepada pelabur-pelabur asing, bagaimana mereka hendak datang berlabur ke negeri kita, sedangkan orang yang mengakui taat setia dan bertaraf warganegara di negara kita ini sendiri pun tidak percaya kepada negeri kita dan mereka terpaksa melaburkan ke tempat lain. Saya tidak akan berkata kalau mereka ini sebagai penghalang usaha-usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita ini, tetapi walau bagaimanapun ini adalah perlu untuk diambilkira dan diwaspadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan selain daripada usaha untuk memperkembangkan industri kecil, di samping menarik pelabur-pelabur asing dan menegakkan pelabur-pelabur yang ada dalam negara. Kerajaan kita sekarang beria-ia dengan sungguh-sungguh untuk

memperkenalkan negara ini kepada mata dunia, agar Malaysia menjadi pilihan daripada semua faktor termasuklah pelabur dan industri-industri lain yang mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebut di dalam Titahnya, bahawa pada bulan ini akan bermulanya Persidangan PATA.

Memang kita akui, kita sokong industri pelancongan ialah satu industri yang paling baik terutama di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia ini bagi membangunkannya ekonomi di negara kita ini. Apatah lagi negara kita ini banyak potensinya bagi memperkembangkan industri pelancongan ini. Banyak keindahan semula jadi yang dikurnia Tuhan kepada kita, yang boleh dijadikan modal untuk dijual kepada pelancong. Kejadian kita yang indah tersendiri boleh menjadi modal untuk dijual kepada pelancong, keistimewaan-keistimewaan, perbezaan di antara daerah dengan daerah, puak dengan puak, kaum dengan kaum di dalam negara kita ini, juga banyak yang boleh dijadikan bahan-bahan untuk dijual kepada pelancong yang mana akan membawa manfaat dan keuntungan yang besar kepada kita. Sebab itu seluruh warganegara terutama bagi pihak pelaksana dan orang ramai akan menyokong usaha Kerajaan mengadakan Persidangan PATA ini. Mudah-mudahan melalui PATA inilah orang akan mengenal kita, orang akan dapat melihat keindahan kita, orang akan menarik minat untuk mendatangi kita kerana segala apa yang ada pada kita. Kita percaya rancangan ini akan membawa hasil yang baik, sebab itu kita menyokong walaupun ada kalanya kita nampak sekarang ini demikian sibuk, demikian hebat pembangunan dibuat untuk mengindahkan negara kita ini terutama di ibukota, siang—malam buruh-buruh bekerja hendak memperindahkan lagi keindahan yang telah sedia ada di ibukota kita ini.

Mudah-mudahan dengan kedatangan dan terlaksana PATA ini, maka orang kenal kita, daripada kenal itu akan datang cinta, daripada cinta itu akan datang kasih, menyebabkan kasih itu mereka akan berulang dan menumpu ke Malaysia ini dan dengan cara itu, mereka dengan secara tidak langsung akan membantu ekonomi negara dan rakyat di Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan perancangan ini sahaja, tidak cukup dengan keindahan ini sahaja, kalau keadaan keselamatan, kestabilan politik dan Kerajaan di negara ini tidak benar-benar diyakini oleh mereka, walaupun mereka kenal kalau negara ini tidak aman, mereka tidak mungkin datang. Walaupun mereka tahu banyak keindahan, banyak kemudahan di negara kita ini, kalau keadaan politiknya tidak stabil di negara ini, mereka tidak datang, maka akan menjadi sia-sialah rancangan yang baik, penyusunan dan usaha yang telah dibuat untuk membantu ekonomi kita ini, akan tinggal terbengkalai begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menunjukkan satu contoh jika kita hendak mengadakan kenduri, tetamu diundang, hidangan perlu disediakan, tetapi jika tetamu hendak datang, anak pinak dan keluarga hendaklah sedia menanggung dan memikul tanggungjawab agar kedatangan tetamu dapat disambut dengan penuh ria. Tetapi bagaimana kalau rumah kita hendak kenduri tiba-tiba saat kedatangan tetamu telah datang, anak buat perangai, anak baling batu ke rumah, anak tidur di atas tangga, anak pekik, maki bapa, barangkali susah bagi tetamu hendak datang sekalipun untuk makan kenduri. Mungkin bukan sahaja tetamu susah hendak datang, taukeh daging pun tidak mengharap daging kepada tuan rumah kerana takut-takut harga dagingnya tidak dibayar, sebab lepas daripada kenduri daging tidak habis dimakan, tetamu tidak datang.

Demikian Tuan Yang di-Pertua, di dalam Persidangan PATA yang demikian bersungguh dilaksanakan.

Saya harap Kerajaan hendaklah mempunyai satu sikap dan pendirian yang tegas, bagi menjamin bahawa segala sesuatu yang akan meragukan mana-mana golongan dan pihak yang ingin ke tanahair kita ini terutama untuk mengambil bahagian tidak akan timbul, tidak akan berbangkit.

Sebab itu walaupun kita menghormati segala hak-hak asasi manusia, hak-hak asasi berkumpulan namun ketika dan masanya perlu kita mengambil tindakan. Tidak boleh hendak biarkan begitu sahaja kononnya kerana negara kita ini mengamalkan dasar demokrasi dan menjaga hak-hak asasi yang keterlaluan kerana sebagai masyarakat timur dan berteraskan kepada Melayu. Ada peribahasa di dalam bahasa Melayu, Tuan Yang di-Pertua, tidak berbudi seseorang itu; tidak disebut pemurah seseorang itu, andai "bunga diberi kepada monyet".

Kalau memberi bunga hendaklah diberi kepada yang orang memahami menerima bunga ini, orang yang tahu betapa harumnya bunga ini, orang yang sedar betapa indah dan halusnyanya setiap kelopak bunga ini.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap walaupun kata sendiri saya ini agak begitu luas, saya berharap di dalam usaha Persidangan PATA yang mana kita sebagai tuan rumah ini tidak akan diugut-gugat terutama oleh anak buah kita atau oleh kita sendiri dan ini, Kerajaan perlu mengatur sesuatu perancangan dengan tegas.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita akui sejak daripada kita mula mencapai kemerdekaan sehingga sekarang kita mengamalkan dasar demokrasi, kita menjaga hak-hak asasi manusia, kita memberi kebebasan

kepada rakyat tetapi kita perlu menyedari sejajar dengan keadaan-keadaan yang tertentu.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dan takut dengan sikap Kerajaan dan dasar Kerajaan yang ada ini akan membawa implikasi. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, sikap demokrasi dan sikap liberal yang ada pada Kerajaan kita mungkin barangkali boleh diambil kesempatan oleh golongan-golongan yang tertentu sehingga membawa akibat kepada golongan-golongan yang tidak berdosa. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah berlandaskan kepada tiket demokrasi dan kebebasan hak, rancangan baik dan indah Persidangan PATA boleh dicemarkan oleh golongan-golongan yang hendak mencemarkan ini. Kalau ini caranya saya rasa lebih baik tidak usah diadakan Persidangan PATA. Walau bagaimanapun saya percaya melalui Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini dapat diterima oleh semua golongan dan semua pihak bahawa PATA yang akan berlangsung beberapa hari ini akan menjadi tanggungjawab kepada semua golongan dan semua pihak rakyat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam negara ini setidaknya tidaknya menghormati Titah Ucapan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja yang kita mencurahkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang dasar demokrasi dan sikap liberal yang ada pada kita ini telah menjadi penyusunan dasar luar kita demikian bebas. Kita berkecuali. Kita menghormati negara-negara yang lain terutama negara-negara sahabat dalam ASEAN. Kia mencurahkan sikap kita dengan penuh tulus. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula balasnya. Ini pun harus disedari dan diinsafi. Jangan kita sahaja hendak menjaga hati kawan, jangan kita sahaja yang hendak memelihara

kawan tetapi perlu kita menyedari sejauh mana balasan daripada kawan. Kata orang-orang tua Melayu "kundur dan labu hendaklah sama-sama melata agar penuh para yang didirikan". Jangan kita sahaja.

Sudah banyak kali sikap kita yang baik ini, sikap kita yang berkecuali ini memberi sumbangan dan bantuan kepada rakan tetapi sebaliknya adakalanya kita terpaksa menanggung akibat-akibat daripada mereka. Kita bersetia kepada persetiaan janji dengan negara-negara sahabat di dalam dasar ini tetapi ada orang lain yang tidak setia juga berada di dalam golongan-golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan Titah Tuanku di dalam masalah pertanian. Ini pun masalah kerana hendak menjaga ekonomi iaitu soal pertanian. Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, di zaman saya muda-muda dulu. Saya ingat betapa Kementerian Pertanian kita berusaha untuk mendapatkan satu jenis tanaman daripada sebuah negara sahabat iaitulah "Zanzibar Cengkih" iaitu cengkih dari keturunan Zanzibar. Sehingga tiga Menteri Pertanian ditukar tidak juga dapat daripada negara sahabat. Sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat walhal ini ada di dalam negara sahabat.

Kita senang, Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan untuk menunjukkan penghormatan kita kepada negara sahabat sehingga sepak takraw pun yang orang lain tidak pandai, kita ajar, Saya bersetuju untuk memperkembangkan jenis permainan kita. Tetapi akhirnya orang yang kita ajar itu dapat mengalahkan kita.

Demikian juga pernah kita bermegah dan kita bersyukur dengan hasil pertanian kita. Kita dapat melahirkan hasil sawit khususnya minyak kelapa sawit sehingga menjadi satu penghasilan yang terbesar dalam negara ini. Kita sanggup memberi

petunjuk, memberi sumbangan, memberi bantuan kepada rakan-rakan; bermurah hati kerana kita "orang baik-baik", akhirnya kelapa sawit kita menghadapi masalah. Orang yang ditolong telah membawa masalah kepada kita. Kita tolong mereka untuk mereka. Seharusnya balasan diterima kalau sudah kita tolong mereka biarlah mereka juga fikirkan kepada kita tetapi orang tidak fikir. Kita sahaja yang hendak fikir-fikir hal orang sedangkan orang tidak fikir. Sekarang ini kelapa sawit kita menghadapi masalah sehinggakan harga kelapa sawitnya begitu menurun menjadi \$600 setan sehari dua ini daripada harga \$1,800. Ini semua akibat kesayangan kita kepada orang lain.

Walau bagaimanapun kita menghormati sikap ini tetapi harus dijadikan pelajaran terutama kepada pemerintah kita. Sama juga sikap liberal yang ada pada Kerajaan kita, kerana sikap liberal ini sehingga kebebasan sudah menjangkau lebih daripada tahapnya, kerana sikap demokrasi yang liberal yang ada pada Kerajaan kita ini memberi hak kepada semua golongan, sehingga menyebabkan orang lain telah mempergunakan lebih hebat daripada itu, sudah melampau batas, sehingga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri telah membangkitkan di dalam Titah Ucapannya, bagaimana ada golongan-golongan tertentu telah mempergunakan soal agama, fahaman yang sempit yang boleh menghuruharkan negara ini. Kita biar, kononnya negara ini mengamalkan dasar demokrasi. Saya begitu terasa anih dan terperanjat satu hari apakala saya membaca satu berita dalam mass media, ada seorang yang bertanggungjawab menjatuhkan hukuman kepada seorang yang terlibat dengan dadah, dia menangis, seolah-olah mereka menyokong orang-orang yang terlibat dengan dadah dan pengedar dadah ini.

Ada pula apakah Kerajaan hendak membangunkan negeri ini dengan melaksanakan pelancaran pembangunan, rancangan-rancangan untuk faedah rakyat, dengan lantang ada orang-orang yang tertentu di dalam negara kita ini menggunakan nama pertubuhan-pertubuhan tertentu menentang Kerajaan kononnya hendak menjaga rimba, hendak menjaga hutan lebih daripada hendak menjaga manusia. Ini bukan kebebasan namanya, tetapi ini membiarkan suara-suara sumbang yang boleh menggugat kedudukan rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita terlampau liberal ini, sebab itu berbagai-bagai berlaku di dalam negara kita ini. Kertas Putih Memali, sehingga pemerintah terpaksa mengadakan satu Kertas Putih Memali di dalam kedua-dua Dewan. Saya perlu bertanya mengapa dan kenapa peristiwa Memali ini boleh berlaku dan boleh terjadi sehingga menyebabkan Kerajaan terpaksa membentangkan Kertas Putih? Ini harus dipersoalkan? Masyarakat Memali masyarakat yang serupa dengan kita, mereka adalah keturunan yang sama dengan kita, mereka bukan keturunan makan orang, mereka tidak keturunan membunuh orang. Tetapi mengapa peristiwa Memali, orang Memali boleh membunuh orang? Yang dibunuh itu Polis. Macam bandit, mengapa? Apakah ini juga berpunca daripada sikap dan keadaan liberal yang keterlaluan yang ada pada pemerintah sehingga orang boleh mengambil kesempatan?

Saya tertarik dengan Titah Tuanku ini, ada golongan-golongan tertentu mengambil kesempatan menghasut, menderhaka sehingga peristiwa terbunuhnya penderhaka-penderhaka di Memali. Tetapi yang keluar beritanya, terkorbannya para syuhadah yang mati syahid di Memali. Mengapa? Sekali lagi, adakah ini disebabkan sikap liberal yang

keterlaluan yang ada pada Kerajaan kita? Kalau mungkin ini sebabnya, saya memohon supaya Kerajaan kita mengkaji semula sikap liberal yang ada pada kita agar kecelakaan yang lebih daripada peristiwa-peristiwa seperti ini tidak akan berlaku. Kertas Putih dengan peristiwa Memali, Polis dibunuh oleh penderhaka-penderhaka kononnya Polis tidak hendak melibatkan diri, hendak menjaga tidak hendak berlaku pembunuhan, pertumpahan darah. Kononnya, tetapi berlaku. Sudah berlaku, Polis yang terkorban demi keamanan negara untuk memberi kesejahteraan rakyat, mati begitu. Sedangkan pengganas-pengganas yang derhaka boleh bergembar-gembur oleh golongan-golongan yang tertentu kononnya mereka ini mati syahid, mati yang membawa rahmat, mati yang mendapat berkat.

Ini bahaya jika dibiarkan. Bagaimana kalau satu hari nanti kalau seluruh rakyat beranggapan bahawa sebenarnya andainya mati kerana menentang pemerintah, menentang Polis DiRaja, bukan polis Hussein Ahmad, Polis DiRaja boleh mati syahid, alamat buruk bencana akan berlaku di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu Kertas Putih, saya cuma tengok daripada kawan, belum diedarkan lagi kepada Ahli-ahli kita, Kertas Putih BMF. Terima kasih, kerana melalui penyiasatan ini dapatlah kita kenal penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan skandal BMF ini. Tetapi minta maaf saya, Kertas Putih seperti itu dibentangkan, sayangnya saya tidak dapat menunjukkan sekarang, saya harap ini pun mungkin barangkali kerana sikap liberal yang keterlaluan oleh Kerajaan kita. Saya tidak fikir kajian yang dibuat ini satu penyiasatan yang konkrit, tidak. Saya berulang-ulang kali membacanya, cuma disebut, si anu, anu dikata oleh si anu anu; kemudian si anu anu dikata oleh si anu anu. Yang ini dia kata. Kalau macam

ini, saya rasa sesuatu yang tidak menyenangkan. Kalau hendak membuat laporan macam ini, banyak orang boleh buat. Dekat Chow Kit Road boleh buat, Campbell Street boleh buat, taukeh mee ini, mamak jual mee kata macam ini, Ah Chong yang jual sotong rebus kata macam ini.

Memang saya berterima kasih kepada Jawatankuasa ini kerana kita dapat mengenal penjenayahnya, tetapi kesian, nanya, Kertas ini pula terpaksa dibentang dalam Dewan ini. Saya tidak hendak bertanya apakah semua orang yang disebut dalam Kertas Putih itu benar-benar yang terlibat dengan BMF? Kalau orang tanya saya pun, saya tidak berani hendak kata apa. Mungkin barangkali orang boleh tanya saya, "awak sudah baca?" "Baca, kandungannya tidak tahu". Macam mana hendak tahu kerana dalam penyiasatan itu tiada penamatnya. Jadi Kertas macam ini dibentangkan sehingga menjadi satu masalah besar. Mungkin ini juga ialah berpunca daripada sikap liberal yang keterlaluan yang ada pada pemerintah kita. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengulangi, saya berharap supaya pemerintah Kerajaan kita mengkaji semula walaupun kita menghormati dasar demokrasi, walaupun kita tetap menghormati hak-hak asasi, walaupun kita menghormati setiap hak pertubuhan, tetapi perlu mengkaji andai sesuatu yang tidak membawa mudarat boleh kita kekalkan, tetapi jika sesuatu yang membawa mudarat, saya rasa perlu diberi perhatian lain kerana kita takut, kerana kita bimbang.

Di dalam Titah Ucapan ini pula disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong soal integrasi kaum. Memang negara kita ini sebuah negara yang teristimewa, ada berbagai-bagai rupa masyarakat di dalamnya. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ke Afrika kita nampak orangnya gelap, rambutnya keriting sahaja; kalau kita pergi ke

England kita nampak putih, kulitnya kasar, matanya sabun tetapi dalam negara kita ini teristimewa, ada kuning-kuning langsung, ada hitam-hitam manis, ada yang hidung kemek, ada yang hidung tinggi, ada yang mata berkedut, ada yang mata tidak berkedut, begini istimewa rupa bangsa dalam negara kita ini.

Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini dalam masyarakat majmuk, ada Melayu, ada Tionghua, ada India, ada Kadazan, ada Iban, ada Melanau dan sebagainya, iaitu kita mempunyai cara kita tersendiri dan ala kita yang tersendiri. Walau mungkin kita dengar di Amerika syarikat sendiri kononnya mengamalkan demokrasi tulen pun mereka menghadapi perbezaan kaum, perbezaan warna kulit, tetapi alhamdulillah, barangkali ini satu penghormatan yang harus diberi oleh para pemimpin kita yang silih berganti oleh Kerajaan kita, barangkali sikapnya yang begitu memandang jauh bagi kepentingan keselamatan rakyat yang berbilang kaum ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Menyedari hakikat bahawasanya di dalam negara ini tidak boleh hidup bersendirian, apatah lagi Melayu tidak boleh hanya sekadar dengan Melayu, Tionghua tidak boleh sekadar dengan Tionghua, India tidak boleh dengan sekadar India, Kadazan tidak boleh dengan sekadar Kadazan, Iban tidak boleh dengan sekadar Iban, kita hendaklah bersama. Contohnya yang kalau ditunjukkan oleh kepimpinan para pemimpin kita, seperti yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan kita sejak daripada mula, Tuan Yang di-Pertua, ia mungkin kalau saya hendak sebut umpamanya di Semenanjung ini, kalau UMNO tidak hendak bercampur dengan sesiapa, UMNO boleh memerintah di negara ini, UMNO cukup majoritinya, di Parlimen ini cukup, di negeri-

negerinya cukup, tetapi menyedari hakikat pemimpin-pemimpin UMNO, ahli-ahli UMNO sanggup berkongsi kuasa dengan MCA mewakili kaum Tionghua, dengan GERAKAN, dengan BERJASA, dengan PBS, SUPP, dengan BERJAYA dan dengan siapa lagi, semata-mata untuk melahirkan kestabilan politik, kestabilan Kerajaan di negara ini bagi memberi kebaikan kepada rakyat. Kepimpinan Melalui Teladan—ini juga harus disedari.

Oleh yang demikian, saya menyokong penuh apa yang telah dilakukan oleh pihak pemerintah di dalam penyusunan semula kedudukan kemasyarakatan integrasi nasional ini bahawa agar rakyat yang berbilang kaum ini dapat hidup di dalam aman damai di dalam negara kita ini. Tidak boleh sesuatu golongan yang gila kuasa tidak mungkin boleh terlaksana di dalam negara kita yang bermasyarakat majmuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini saya suka memetik dan mengulanginya kembali, dengan izin:

“Walaupun kita sekarang sedang menghadapi berbagai-bagai cabaran, kita yakin.....”, kata Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, “.....di bawah pimpinan Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Kita. Insya Allah kita akan dapat mengatasi segala cabaran tersebut dengan bekerja keras”.

Saya kira seluruh rakyat jelata yang bertuankan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menerima Titah pesan ingatan ini bahawa Seri Paduka Baginda sendiri meletakkan pengharapan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita. Saya percaya Titah ini akan menjadi inspirasi kepada semua golongan-golongan yang cintakan

negara ini, kecuali kepada golongan-golongan yang sengaja hendak menjadi petualang dan pengkhianat kepada keharmonian dan keutuhan negara kita yang tercinta ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mohon mencadangkan cadangan saya ini bagi dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila penyokong. Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi.

4.37 pg.

Tuan Ng Ah Poi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat adalah asas perpaduan nasional dalam negara majmuk seperti Malaysia. Kehendak dan permintaan setiap kaum berlainan antara satu sama lain. Terdapat juga percanggahan pendapat yang seringkali berlaku di atas sesuatu perkara atau isu. Jika tidak kita mengendalikan dengan berhati-hati, ini akan menghalang usaha untuk menyatupadukan rakyat.

MCA mengambil berat terhadap sebarang implikasi negatif yang ditimbulkan oleh keadaan yang dianggap oleh masyarakat Cina sebagai tidak adil dan tidak saksama. Pada umumnya masyarakat Cina merasa kecewa dan tidak puas hati terhadap hal seperti ini dan MCA mempunyai tanggungjawab politik untuk mencerminkan perasaan mereka. Sementara itu sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional, MCA harus bekerjasama secara ikhlas dengan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina khususnya, dan rakyat jelata pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Cina merupakan penduduk yang kedua besar di negara ini. Oleh yang demikian, MCA percaya masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina perlu diselesaikan dalam perspektif masalah nasional. Kami berharap supaya sebarang dasar-dasar yang dirancang haruslah dibuat secara adil dan saksama serta menitikberatkan kepada kepentingan setiap kaum yang ada di negara ini dan bukan semata-mata dirumuskan untuk kepentingan sesuatu kaum sahaja.

Pada hari ini negara kita sedang menghadapi ancaman polarisasi kaum. Masalah ini pada amnya wujud dalam semua bidang termasuk politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan. Kita tidak harus menyapu kesemua masalah ke bawah permaidani. Sebagai pemimpin-pemimpin negara yang bertanggungjawab, kita tidak sahaja mesti bersikap berani menghadapi masalah tetapi juga bersungguh-sungguh mencari penyelesaian kepada masalah-masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah polarisasi kaum merupakan penghalang kepada projek perpaduan negara. Kerajaan mesti membetulkan sebarang penyelewengan yang wujud di kalangan pegawai-pegawai yang menguatkuasakan dasar negara biar pun mereka melakukannya sama ada secara sengaja ataupun tidak.

Satu contoh yang berlaku baru-baru ini ialah peraturan yang menyatakan bahawa matapelajaran Mandarin dan Tamil tidak akan diambil kira oleh setengah universiti dalam perkiraan sistem mata untuk kemasukan ke universiti. Ini telah menimbulkan perasaan tidak senang hati di-kalangan masyarakat Cina dan Tamil. Mujurnya selepas jaminan yang diberi oleh Menteri Pelajaran bahawa kedua-dua matapelajaran itu tetap akan diambil kira sepertimana yang berlaku selama

ini. Berikutan dengan itu, penyelewengan ini dapat diperbetulkan. Perkara-perkara seperti ini kadangkala juga wujud di bidang-bidang lain seperti rancangan integrasi murid untuk perpaduan dan penggunaan bahasa di papan tanda.

Pada pendapat saya, masanya sudah tiba di mana tindakan-tindakan yang wajar perlu diambil ke atas pegawai-pegawai yang telah menyeleweng dari tujuan asal dasar-dasar negara, tidak kira sama ada mereka melakukannya secara sengaja atau tidak. Jika tidak, saya khuatir segala dasar-dasar yang sebenarnya bertujuan baik ketika dirancang akan berubah bentuknya setelah diimplementasikan. Implikasinya ialah sebarang dasar yang adil dan sebarang dasar yang tidak berbau kaum akan berbau kaum. Dalam perasaan setengah masyarakat yang merasa diri telah tertindas ke dalam keadaan sedemikianlah yang menjadi punca ketidakpuasan hati rakyat terhadap negara. Ini menjadi masalah polarisasi kaum bertambah rumit dan serius. Jika keadaan ini dibiarkan, negara kitalah yang akan menanggung segala akibatnya. Oleh itu, cara sebaik-baiknya ialah mengawal dan membetulkan ia dari bertambah serius.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya saya tidak menyentuh tentang Article 21B Akta Pelajaran, 1961, maka adalah tidak sempurna perbahasan saya ke atas masalah pendidikan. Kalau Kerajaan telah mengaku bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara dan telah berulang kali memberi jaminan bahawa Sekolah-sekolah Rendah Cina tidak akan dihapuskan atau diubah bentuknya, maka inilah masa yang paling sesuai untuk Kerajaan "merealisekan" jaminannya. Saya berharap Kerajaan akan meminda peruntukan-peruntukan ini

dengan segera supaya kebimbangan masyarakat Cina dapat dihapuskan semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini adalah satu tahun yang penting kerana Rancangan Malaysia Kelima akan dilaksanakan. Kejayaan atau gagalannya Rancangan ini amatlah bergantung kepada usaha bersama Kerajaan dan rakyat. Kemelesetan ekonomi dunia telah mengakibatkan kejatuhan harga komoditi-komoditi Malaysia menurut Laporan Tahunan Bank Negara. Hasil pendapatan komoditi-komoditi utama akan mendatangkan kekurangan di antara \$6 bilion hingga \$8 bilion ekoran dari penurunan harga komoditi. Bersamaan dengan ini juga banyak kilang terpaksa menghentikan pengeluarannya dan pembuangan pekerja berlaku secara besar-besaran. Akibat daripada itu kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 8%. Nampaknya seterusnya ekonomi negara yang berorientasikan eksport perlu dirobohkan bentuknya ke arah bidang pertanian dan perindustrian sebagai satu rancangan jangka panjang. Oleh itu bahawa Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan untuk projek pembangunan luar bandar paling banyak tujuannya ialah menghapuskan kemiskinan di luar bandar dan meninggikan lagi taraf hidup penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa pembasmian kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat akan dijadikan keutamaan dalam dasar Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Rancangan-rancangan infrastruktur seperti membekalkan elektrik dan air, membina jalan di luar bandar dan menaikkan taraf pendidikan, kesihatan, telekom dan pos akan dijalankan. Saya bersetuju bahawa kualiti kehidupan penduduk luar bandar perlu diperbaiki untuk mengelakkan masalah migrasi pemuda

pemudi luar bandar ke bandar kerana tarikan dari corak kehidupan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan tidak mengenal kaum. Kerajaan mesti memberi peruntukan yang setimpal untuk membangunkan kampung-kampung baru supaya jurang pembangunan tidak wujud di antara satu community dengan community lain di luar bandar. Malangnya peruntukan untuk kampung-kampung baru tahun ini ialah \$6 juta. Jika dibandingkan dengan 500 buah kampung baru di negara ini, peruntukan yang diterima oleh setiap kampung baru cuma berjumlah lebih kurang \$10,000 sahaja. Jumlah ini terlalu kecil dan ia adalah tidak mencukupi. Oleh itu apabila perancangan-perancangan dibuat untuk luar bandar, pembangunan kampung-kampung baru perlu diutamakan dalam perancangan-perancangan negara supaya kampung-kampung baru ini dapat bersama-sama menikmati faedah pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya berprasangka dengan menanggukkan bahawa masalah kampung baru sebagai satu masalah politik yang ketinggalan zaman. Negara kita telah mencapai kemerdekaan sejak 29 tahun yang lepas dan penduduk-penduduk kampung baru merupakan 1/5 dari jumlah penduduk-penduduk orang Cina di negeri ini. Kawasan yang diduduki oleh bilangan penduduk yang begitu besar harus tidak diketepikan dalam arus pembangunan negara sehingga menjadi kawasan yang mundur dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan tanah untuk pertanian dan tapak untuk membina rumah ialah satu masalah rumit kepada Penduduk-penduduk kampung baru. Dalam konteks ini Kerajaan Pusat perlu

menyelesaikan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya membekalkan tanah-tanah bagi penduduk kampung-kampung baru. Sementara itu kawasan kampung-kampung baru juga patut diperluaskan kawasan. Industri ringan juga perlu diwujudkan di pinggir-pinggir kampung baru. Langkah-langkah seperti ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, dengan itu dapat menjamin penduduk kampung-kampung baru bahawa tidak lagi akan diketepikan dalam arus pembangunan nasional serta matlamat menghapuskan kemiskinan berbilang kaum kita juga dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan yang dibentangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan yang mulia ini, Baginda telah menyatakan bahawa Kerajaan kita telah mengambil tindakan-tindakan berkesan untuk merapatkan jurang perbezaan taraf ekonomi di kalangan rakyat jelata kita sebagai satu langkah untuk menyusun semula masyarakat Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan pada tahun 1970 dan akan tamat pada tahun 1990. Dalam perkataan lain, tempoh Dasar Ekonomi Baru cuma tinggal 4 tahun lagi. Masanya telah tiba di mana kita mesti membuat kajian semula terhadap hasil sejauh mana pencapaian Dasar Ekonomi Baru akan matlamat serampang dua mata dasar ini iaitulah menghapuskan kemiskinan di semua lapisan rakyat kita dan menyusun semula masyarakat akan dicapai, dengan ini kita akan dapat menggubal satu dasar ekonomi yang lebih bebas dan adil pula.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah menetapkan bahagian penyertaan rakyat kita seperti berikut.

30% oleh golongan bumiputera dan 40 oleh golongan bukan bumiputera sehingga hari ini masih sukar bagi kita mendapat butir-butir mengenai hak

milik ekonomi yang dimiliki oleh kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Maklumat dan angka-angka yang disiarkan oleh Kerajaan juga selalu bercanggah dengan angka yang diberi oleh sektor swasta dan perbuatan pakar-pakar ekonomi yang sengaja untuk meninggikan atau mengurangkan angka-angka pencapaian hak milik, samalah dengan perbuatan yang tidak jujur. Walau bagaimanapun, pada asalnya matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah diberi pertolongan dan bantuan kepada golongan bumiputera dalam bidang ekonomi supaya pada satu ketika mereka berupaya bersaing dengan bukan bumiputera dan bukan memberi perlindungan kepada mereka dalam jangka masa yang tidak terhad. Pada hakikatnya bumiputera telah mencapai kejayaan dalam kemajuan yang cemerlang dalam bidang perlombongan, bank, perladangan dan lain-lain.

Sehubungan dengan ini, kita boleh menyatakan bahawa kadar pencapaian bumiputera dalam ekonomi dan kewangan setakat ini adalah kukuh. Oleh yang demikian, adalah tepat dan wajar bagi kita mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru itu, jika tidak satu jurang perbezaan ekonomi baru akan wujud selepas kita berjaya merapatkan jurang perbezaan ekonomi yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah memberi berbagai insentif dan kebebasan kepada sektor swasta. Langkah ini adalah bijaksana seperti dasar yang digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan ketika kemelesetan ekonomi ini patutlah diubahsuai supaya memberi lebih banyak kelonggaran, langkah-langkah begitu akan mendorong pelabur-pelabur luar dan dalam negara untuk menambahkan pelaburan mereka.

MCA menyokong matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru yang

bertujuan menghapuskan kemiskinan rakyat dan menyusun semula masyarakat kita. Walau bagaimanapun, kami membangkang akta-akta dan peraturan-peraturan yang mempunyai kesan negatif untuk menghalang penyertaan bukan bumiputera. Dalam kegiatan ekonomi negara kita, peraturan-peraturan yang berkaitan patut dipinda dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menggalakkan pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia dan Konsep Penswastaaan, Kerajaan juga harus menimbangkan cadangan-cadangan di mana peniaga-peniaga bumiputera dan bukan bumiputera boleh bekerjasama dalam bidang ekonomi. Keutamaan dan galakan harus diberi oleh Kerajaan kepada cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengambil tindakan-tindakan berkesan untuk menyelesaikan segala masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh kalangan masyarakat Cina dan kecurigaan masyarakat Cina terhadap berbagai-bagai dasar Kerajaan, khususnya pelaksanaannya patut diselesaikan dalam perspektif negara memandangkan bahawa masyarakat Cina merupakan penduduk yang kedua besar di dalam negara ini. Hanya dengan cara inilah masalah polarisasi kaum dapat diatasi. Masa adalah terlalu terhad, oleh itu semua rakyat negara ini tanpa mengira kaum harus bersama-sama bertanggungjawab berusaha bersama untuk mewujudkan sebuah negara yang adil, makmur, muhibbah dan bersatupadu.

Dengan ini, saya ingin sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap Usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Tuan Hussein bin Ahmad. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam”.

dan terbuka untuk dibahas. Adakah di antara Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.14 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong satu cadangan mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Di Raja Baginda di Perasmian Penggal Keempat Parlimen Keenam pada 10hb Mac, lalu. Titah Di Raja Baginda itu sangat bermakna dan tepat pada waktunya kerana ketika ini Kerajaan dan rakyat Malaysia terus menghadapi berbagai cabaran akibat dari berterusan kemelesetan ekonomi antarabangsa. Titah Di Raja Baginda itu meliputi segala aspek, baik ekonomi, sosial, agama, mahupun politik dan dasar luar negeri. Titah Di Raja Baginda itu seharusnya dijadikan pedoman kita

semua, baik orang ramai, ahli-ahli politik ataupun kakitangan Kerajaan dalam usaha kita bersama bagi pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah bahawa perpaduan rakyat dan integrasi nasional tetap menjadi matlamat utama Kerajaan dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Para pemimpin di semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha dengan ikhlas menghapuskan apa juga masalah yang boleh memecahbelahkan perpaduan. Saya sangat bersetuju dengan dasar negara ini. Saya berpendapat masa sudah tibalah bagi para pemimpin memikirkan dan mengkaji semula segala dasar dan membuang ucapan yang berbau perkauman itu supaya dapat memupuk dan memperkukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional. Pada halnya, perpaduan rakyat walaupun kita harus terus berusaha memelihara, tetapi tidak boleh dijadikan satu soal lagi.

Malaysia telah merdeka dekat 30 tahun. Demi memelihara perpaduan rakyat, pada pendapat saya adalah baik jika kita dapat mula-mula menyemaikan semangat perpaduan, idea-idea nasionalisme kepada murid-murid ketika mereka masih menuntut di sekolah-sekolah rendah menengah, kolej atau universiti. Jikalau rakyat Malaysia tidak dibahagi-bahagikan dan diperbeza-bezakan sebagai bumi dan bukan bumi, jikalau konsep ini tidak ditekankan dalam kehidupan ekonomi dan politik rakyat kita, bukankah akan lebih baik bagi kita memupuk dan memperkukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional kita. Rakyat kita semua menganggap diri sendiri sebagai rakyat Malaysia, menganggap Malaysia tanahairnya kerana mempunyai "sense of belonging".

Tuan Yang di-Pertua, tentang soal taat setia yang sering disebut-sebutkan oleh setengah-setengah orang, saya telah menekankan di Penggal Ketiga dalam Dewan yang mulia ini dahulu, itu tidak boleh disyakki dan dipersoalkan lagi kerana sekiranya terdapat satu, dua orang yang jahat, janganlah anggap semua orang pun jahat. Sayangnya, nenek-moyang manusia di zaman purba Adam dan Eve melahirkan anak-anak yang kemudian menjadi macam-macam suku bangsa di dunia. Jikalau mereka dapat meramalkan bahawa dengan adanya macam-macam suku bangsa, ianya akan timbul begitu banyak persoalan dan kesulitan seperti sekarang mereka tentu tidak mahu keturunan mereka menjadi macam-macam suku bangsa. Jika demikian, manusia tidak akan dibahagi-bahagikan menjadi India, Melayu, Tionghua dan lain-lain. Dalam satu masyarakat besar itu hanya ada yang kaya, ada yang miskin, ada yang maju, ada yang terkebelakang, ini sahaja. Jadi, tidak ada lagi tidak seimbang ekonomi antara kaum bumi dan bukan bumi, serta masalah-masalah lain pun tidak akan timbul. Betapa baiknya jikalau keadaan masyarakat kita sebenarnya begitu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah di-Raja, Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh soal-soal pembangunan ekonomi negara serta hal-hal berkaitan. Sepertimana kita ketahui akhir-akhir ini harga barang-barang asli kita seperti timah, kelapa sawit, kayu balak serta petroleum terus menurun. Akibatnya pertumbuhan ekonomi negara kita menjadi lembab, kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan turun kepada kurang 3%. Kecenderungan itu harus dicegah, maka penting sekarang ialah bagaimana caranya kita boleh buat atau apakah langkah harus diambil untuk mendorong, menggalakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara itu.

Betul seperti telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang memuaskan kegiatan-kegiatan ekonomi mestilah dipesatkan dan semua pihak mestilah berusaha dari sekarang dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Bagi mencapai tujuan tersebut itu, saya berpendapat setengah-setengah peruntukan dari dasar ekonomi kita harus dikaji semula dan diubah supaya dapat menyediakan suasana pelaburan yang sihat, baik untuk menggalakkan para pelabur, baik dari luar atau dalam negeri melabur di dalam negara kita. Sama halnya dengan dasar penswastan dan konsep Persyarikatan Malaysia yang terus dilaksanakan itu. Dalam hubungan ini semua rakyat tidak kira apa keturunannya mesti diberi peluang yang sama untuk menyertai projek-projek itu. Dengan demikian, ekonomi negara dapat dipulihkan dan pertumbuhan ekonomi pun akan bertambah dengan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan bulan lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad, yang kita sangat sanjungi, pernah berkata, setiap masyarakat negara ini yang berhasrat mendirikan sekolah Cina dan Tamil berhak berbuat demikian asalkan mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Beliau juga dikatakan pernah berjanji Kerajaan akan menyemak semula Akta Pelajaran terhadap sekolah jenis kebangsaan bagi menghilangkan segala keraguan yang timbul di kalangan orang-orang Cina dan India selama ini, kata beliau kajian semula ini adalah sejajar dengan bentuk masyarakat di negara ini. Kerajaan kita telah sedar masih adanya perasaan curiga dan ragu di

kalangan masyarakat Cina dan India selama ini. Walaupun mereka diberi jaminan bahawa Akta itu tidak digunakan untuk mengadakan perubahan jenis sekolah. Demi menghapus dan menghilangkan segala keraguan dan perasaan curiga di kalangan masyarakat Cina dan India, peruntukan berkenaan dalam Akta Pelajaran 1961, saya berharap, dapat disemak semula, once and for all. Dari dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, serta ucapan-ucapan beliau selama ini kita dapat tahu, beliau adalah seorang pemimpin politik Malaysia yang bijaksana, berideologi sederhana. Kita yakin di bawah pimpinan beliau kita akan dapat mengatasi segala cabaran dan kesulitan, mencapai kejayaan yang lebih gilang-gemilang dalam pembangunan ekonomi negara di masa hadapan. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

5.25 *ptg.*

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih ke atas Titah di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sejak kita bermesyuarat pada penggal yang lepas, berbagai-bagai peristiwa telah berlaku. Beberapa di antara peristiwa-peristiwa ini mempunyai kesan terhadap bidang sosial, ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan sosio-politik negara dan perlu diuruskan dengan berjaga-jaga. Kesan-kesan peristiwa-peristiwa ini mungkin mewujudkan akibat terhadap kestabilan politik negara ini. Oleh yang demikian, kita perlu mencari penyelesaian supaya membendung aspek-aspek yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara mengalami ketegangan akibat daripada kejatuhan harga-harga pengeluaran utama negara ini secara langsung mempunyai kesan terhadap tiap-tiap perindustrian di dalam negara kita dan tidak ada satu sektor ekonomi negara pun yang tidak mengalami kesusahan akibat daripada kemelesetan ekonomi sedunia. Pekerja-pekerja telah diberhentikan kerja dalam sektor-sektor pembuatan, perusahaan berasas pertanian serta perusahaan timah dengan kegagalan Perjanjian Timah Antarabangsa. Industri getah asli kita pula menghadapi persaingan yang hebat daripada lain-lain sumber perbekalan. Kejatuhan harga minyak juga mempunyai kesan yang buruk terhadap pendapatan negara. Kejatuhan harga kita ini pula bermakna kita akan menghadapi persaingan yang lebih hebat daripada getah tiruan, minta izin, synthetic rubber.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga minyak kelapa sawit pula bukan sahaja akan membawa kerugian terhadap sumber pendapatan negara, bahkan juga pendapatan kepada pengusaha-pengusaha. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang kusut ini, negara kita mengalami berbagai-bagai cabaran terhadap kestabilan. Saya akan berucap tentang perkara ini kemudian. Namun keadaan ekonomi yang kusut perlu membawa kesedaran kepada kita kerana tidak pernah dalam sejarah negara kita mengalami cabaran yang timbul pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengkaji dengan teliti arah ekonomi negara kita. Sebagaimana sentiasa dipercayai zaman-zaman mewah sentiasa membawa keinginan untuk menikmati kekayaan negara. Ini adalah sikap manusia bahawa kita tidak akan menyedari kesusahan semasa kemewahan. Sekiranya kita mengawasi keadaan ekonomi negara

pada keseluruhannya semasa kemewahan, kita tidak akan menghadapi cabaran-cabaran yang timbul sekarang. Saya percaya bahawa masa susah tidak akan berpanjangan akan tetapi mereka yang degil menyedari hakikat kebenaran sudah tentu menjadi satu masalah yang lebih rumit lagi.

Apa yang penting pada masa ini ialah, adakah kita mengukur mereka yang berkalibar dan bertekun untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam zaman kesusahan ini. Ini memerlukan perancangan dan kebolehan untuk memaju, tambahan pula kita perlu sentiasa memujuk orang-orang yang mempunyai matlamat dan nilai-nilai yang betul supaya dapat bertekun dalam usaha-usaha mereka melalui ethika-ethika kerja yang lebih baik, berusaha untuk mempertingkatkan produktiviti serta satu mutu kehidupan yang lebih tinggi. Ini hanya dapat dicapai melalui kerajinan dan ketekunan bekerja, lebih-lebih lagi kita perlu menanamkan perasaan identiti terhadap masyarakat kita dengan membenarkan peluang-peluang di dalam negara kita tidak mengira kaum dan bangsa. Ini adalah satu detik permulaan yang penting untuk mewujudkan orang-orang yang berkalibar serta bertekun yang boleh menyumbangkan usaha-usaha mereka menentukan kebahagiaan negara dalam masa-masa susah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian menyeluruh perlu diasaskan oleh Kerajaan berpandukan kepada data-data dan matlamat-matlamat yang diperolehi dengan kedatangan komputer dan teknologi yang tinggi kita mempunyai segala infrastruktur untuk mencapai matlamat ini.

Semasa kita melangkah ke kurun ke-21, maklumat-maklumat sains dan lebih penting lagi dengan kekurangan matlamat-matlamat ini akan mengakibatkan ramalan yang kurang tepat. Sebagai satu contoh, kejatuhan

bahan-bahan utama khasnya harga minyak kelapa sawit serta petroleum tidak akan menjadi satu masalah sekiranya matlamat-matlamat dan data diperuntukkan dengan tepat semasa belanjawan tahun 1985 digubal. Ini bermakna bahawa kita tidak perlu mengkaji semula kadar pertumbuhan 6% kepada 3% yang dicapai pada masa ini.

Saya berpendapat bahawa kita masih dapat mencapai kemajuan dalam aspek ini. Satu aspek lagi, Tuan Yang di-Pertua, adalah kawalan yang lebih ketat dengan mengenakan peraturan-peraturan yang lebih terhadap berbagai-bagai aspek ekonomi negara yang mengakibatkan pertumbuhan yang negatif.

Satu strategi untuk mewujudkan ekonomi yang aktif bermula daripada proses melonggarkan peraturan-peraturan ini khasnya, sekiranya Kerajaan berhajat menjadikan sektor swasta sebagai satu unsur pertumbuhan kita.

Apa yang mencegah pertumbuhan pelaburan sektor swasta adalah peraturan-peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan dan yang perlu dihadapi oleh mereka ini. Dengan yang demikian mereka yang mampu melabur sudah tentu akan bersikap menunggu sahaja. Apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan untuk mengkaji semula peraturan-peraturan serta ordinan-ordinan dan amalan-amalan, satu dasar kebebasan untuk menggalakkan pertumbuhan. Kajian yang menyeluruh ini adalah untuk kita meneliti keutamaan supaya menerima strategi ekonomi. Perubahan serta mengubahsuai boleh dibuat untuk menunaikan kehendak keadaan seperti yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, masa kesusahan memerlukan pendekatan yang pragmatis untuk menyelesaikan masalah-masalah asas yang menyebabkan masa kesusahan itu.

Pendekatan atau *ad hoc* tidak boleh digunakan. Apa yang kita perlukan adalah satu pendekatan sistem yang pragmatis lagi dengan mengambilkira tinjauan terhadap masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa akan datang. Berbagai-bagai kesusahan ekonomi yang dialami boleh dielakkan sekiranya ramalan dibuat dengan tepat dan saya berpendapat bahawa kita mempunyai banyak pakar-pakar yang boleh memberi nasihat yang sesuai kepada kita. Soalan yang utama adalah sama ada pertimbangan politik telah menjadi lebih penting kepada pertimbangan ekonomi semasa satu keputusan dibuat. Saya percaya bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang dilatih dalam bidang-bidang yang berkenaan mempunyai kebolehan untuk memberi nasihat kepada pemimpin-pemimpin politik, akan tetapi adakah nasihat-nasihat mereka diambil perhatian dan keputusan dibuat berpendapat kepada nasihat-nasihat mereka ataupun pertimbangan yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi sesebuah Kerajaan untuk menimbangkan sesuatu polisi dengan ikhlas dan tidak mengambil kira kepentingan mereka sendiri, dan sekiranya kesalahan dilakukan, Kerajaan perlu mempunyai keberanian untuk menggubal keputusan mereka. Ini menunjukkan bahawa proses Kerajaan dan tanggungjawab yang utama adalah supaya mentadbirkan Kerajaan demi kepentingan rakyat dan negara. Dengan yang demikian adalah penting bagi sesebuah Kerajaan untuk mengutip matlamat-matlamat dan bertindak dengan matlamat-matlamat yang diperolehi, tambahan pula Kerajaan tidak patut mempunyai pemikiran tegang supaya menggalakkan daripada melaksanakan dasar-dasar yang tidak membawa faedah. Ini adalah penting kerana dasar-dasar yang berasas daripada permulaan yang salah, sudah

tentu menyebabkan kesan yang lebih buruk. Hakikatnya ialah tidak dapat sebuah Kerajaan yang betul, melainkan sebuah Kerajaan yang boleh ditadbir dengan bijaksana, menyedari kepentingan pemikiran yang waras memandangkan bahawa sesebuah Kerajaan melaksanakan segalanya dalam hak usaha mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tabiat dan sikap yang lama susah diubah. Adalah penting untuk pihak Kerajaan menyedari bahawa tidak semestinya matlamat-matlamat yang diperjuangkan merupakan matlamat-matlamat yang dapat menunaikan aspirasi suku-suku kaum di dalam negara kita. Masa ini adalah masa penting bagi kita mengkaji semula kejayaan dan kegagalan kita. Kita perlu mempersoalkan sama ada dasar-dasar yang dialami dapat mewujudkan kepercayaan dan keyakinan yang diperlukan untuk mewujudkan kestabilan politik bersesuaian untuk perkembangan ekonomi dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Skandal BMF diketuai oleh Tan Sri Dato Ahmad Noordin perlu diberi tahniah di atas kerja-kerja mereka, sungguhpun mereka menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam kerja mereka, Laporan BMF mempunyai kelebihan serta keutuhan.

Satu Jawatankuasa yang seumpama ini sudah tentu akan menghadapi berbagai-bagai kesusahan dan saya percaya, walau apa pun Jawatankuasa tersebut telah berjaya memberi satu pandangan yang menyeluruh terhadap skandal itu, dengan izin, give and over view of this scandal.

Tahniah perlu juga diberikan kepada pihak Kerajaan yang telah bersetuju untuk mengeluarkan laporan (report) itu kepada orang-orang awam. Sama ada ini adalah suatu keputusan yang bijak atau tidak adalah tidak penting. Sungguhpun

Kertas Putih telah dikemukakan di Parlimen, perkara ini sudah tentu akan berlanjutan.

Kerajaan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang telah merugikan sejumlah wang begitu banyak. Laporan BMF hanya menyediakan asas sahaja dan lebih banyak lagi perlu dibuat. Tugas kita pada masa sekarang bukan untuk menyalahkan mana-mana pihak akan tetapi supaya mengambil tindakan-tindakan untuk menentukan bahawa skandal yang seumpama ini tidak akan berlaku pada masa yang akan datang. Apa yang juga penting adalah untuk meninjau cara-cara supaya sebahagian jumlah wang dapat dipungut dan mereka yang bertanggungjawab diambil tindakan mengikut undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, negara kita mengalami keadaan ekonomi yang kusut daripada unsur-unsur yang mencabar kestabilannya. Negara kita menghadapi masalah perkauman dan keterlaluan agama. Kedua-dua ini menjadi masalah besar.

Tentang kestabilan polarisasi kaum pernahkah kita membuat kajian terhadap sebab-sebab asas keadaan ini? Bolehkah keadaan ini dimusnahkan? Saya percaya bahawa masalah polarisasi kaum ini perlu diuruskan tanpa emosi. Adalah merbahaya sekiranya kita membenarkan emosi mengawal pemikiran kita. Kalau ini berlaku kita akan mengelakkan pemikiran kita supaya memperlindungi perasaan-perasaan kita dan ini sudah tentu akan membawa akibat yang buruk dan ini perlu dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara yang kaya dan mempunyai berbagai-bagai sumber asli. Tambahan pula kita mempunyai satu corak kebudayaan suku-suku kaum yang kaya dan perbezaan corak kebudayaan ini perlu dilihat dari segi

yang sihat. Perbezaan ini juga boleh dijadikan sebagai ukuran kepada kekuatan dan kelemahan sesebuah negara. Daripada segi positif, perbezaan ini sudah tentu menjadi kekuatan kepada negara kita.

Negara kita boleh mempergunakan perbezaan ini sebagai satu sumber bakat dengan menggunakan berbagai-bagai kaum, berusaha untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang maju, aman dan makmur. Saya mempunyai keyakinan bahawa tidak terdapat satu komuniti pun yang berhajat menjadikan negara kita ini kacau bilau. Apa yang kita mahu adalah sebuah negara yang aman dan stabil di mana rakyatnya boleh berusaha untuk mencapai aspirasi mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum menyebabkan ketegangan di antara masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa. Ini adalah tidak baik untuk kepentingan negara keseluruhannya. Akan tetapi apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan masalah ini? Kita perlu menamakan satu unsur bekerjasama serta persefahaman. Ini adalah satu konsep yang penting supaya suku-suku kaum di dalam negara kita dapat bekerjasama.

Setiap kaum perlu berusaha untuk memahami kebudayaan dan aspirasi kaum-kaum yang lain. Semasa kita berusaha untuk mencapai integrasi kaum dan mewujudkan satu identiti kebangsaan, kita perlu memperbanyakkan corak masyarakat kita yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan berbilang agama. Dasar-dasar tidak patut digubal berdasarkan kepada perbezaan. Perbezaan kedudukan sosio-ekonomi perlu diperbaiki dan rakyat kita tidak patut dibahagikan sebagai Bumiputera dan bukan Bumiputera. Kedudukan sosio-ekonomi rakyat kita yang diasaskan kepada kaum dan bangsa tidak akan seimbang kerana ketidak

seimbangan ini bukan sahaja dituju kepada satu kaum sahaja tetapi ini juga boleh berlaku kepada sesiapa pun.

Kemiskinan tidak mengenal bangsa. Adalah penting bagi kita mengurangkan penekanan bahawa hanya satu komuniti sahaja tidak bernasib baik. Dengan ini kita dapat memusnahkan kepercayaan bahawa Kerajaan menggubalkan dasar-dasar untuk membawa manfaat kepada satu komuniti sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara mereka yang miskin dengan mereka yang kaya perlu dikurangkan. Polarisasi kaum hanya dapat diatasi dengan usaha gigih pihak Kerajaan dan dasar-dasar yang perlu dilaksanakan berdasarkan kepada semangat dasar-dasar tersebut ianya digubalkan. Segala penyelewengan terhadap pelaksanaan perlu diperbaiki supaya perkara-perkara yang seperti ini tidak timbul lagi. Kita perlu memusnahkan ketakutan yang memang ada di antara beberapa kaum di dalam masyarakat kita.

Perseimbangan perlu diamalkan sebagai satu asas usaha pembangunan negara kita. Segala diskriminasi perlu dimusnahkan dan integrasi kaum perlu digalakkan. Rakyat berbagai kaum di negara kita perlu bekerjasama dan menerima hakikat bahawa negara kita adalah sebuah negara majmuk. Ini tidak dapat kita nafikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menentukan bahawa kebebasan-kebebasan asas perseimbangan dan demokrasi serta hak-hak suku kaum terhadap peluang-peluang sosio-ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan politik adalah hak-hak kita sebagai rakyat Malaysia. Sekiranya matlamat ini dicapai, kita sudah tentu dapat memupuk integrasi kaum, dengan izin, "doctrine of reciprocity" dan mengurangkan polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, keterlaluhan agama juga menjadi satu bidang kekuatiran kita. Kepercayaan terhadap agama kita sendiri adalah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Keterlaluhan amalan agama ini telah mengakibatkan berbagai-bagai kejadian yang tidak pernah dilihat dalam sejarah negara kita. Disebabkan oleh tindakan-tindakan yang dilakukan oleh fanatik-fanatik agama ini satu perasaan serong terhadap agama telah wujud. Tambahan pula terhadap satu persaingan di mana mereka berlumbalumba untuk membuktikan bahawa mereka adalah lebih alim daripada yang lain, telah pun mengakibatkan ketakutan serta kekhuatiran di antara rakyat-rakyat Malaysia. Sebagai hakikat, prinsip-prinsip agama kita di dalam mukabumi kita, mengajarkan bahawa agama perlu melakukan perbuatan-perbuatan yang baik serta menjalani satu keputusan yang bermoral. Prinsip-prinsip agama juga menunjukkan cara-cara yang betul supaya mengelakkan daripada praktik-praktik yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat.

Adalah didapati bahawa agama disalahgunakan sebagai alat politik untuk memperolehi sokongan. Rakyat-rakyat kita berawas-awas terhadap tektik ini dan Kerajaan pula perlu berjaga-jaga dalam usaha-usaha untuk memupuk nilai-nilai agama dalam pentadbiran. Nilai-nilai ini perlu berasaskan kepada amalan-amalan dan praktik-praktik berbagai-bagai agama di dalam negara kita. Memandangkan bahawa sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, kebebasan amalan agama kita adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Rakyat-rakyat Malaysia sudah tentu tahu mencari pemilihan apabila mereka mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan apa-apa yang telah saya katakan, saya berasa bahawa adalah menjadi tanggungjawab saya untuk

mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah yang berikut untuk diambil untuk memupuk sebuah negara Malaysia yang lebih aman, makmur dan damai.

- (1) Kerajaan perlu mengkaji semula konsep-konsep asas usaha-usaha pembangunan negara serta memperbaiki kelemahan-kelemahan yang menyebabkan polarisasi kaum Kerajaan perlu memberi pertimbangan untuk menubuhkan satu Majlis Perundingan sebagai satu forum untuk mengesan langkah-langkah yang patut diambil dalam usaha pembangunan negara;
- (2) kita perlu mengasaskan satu Kerajaan yang bijaksana dengan menyedari kepentingan amalan dasar-dasar yang terbuka supaya dapat melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk rakyat dan negara. Pihak Kerajaan juga harus mempunyai keberanian untuk menilaikan kesalahan bagi maksud memperbaiki;
- (3) terus membekalkan infrastruktur yang berkesan, menambahkan peluang-peluang pelajaran kepada semua rakyat kita. Mengurangkan penyertaan serta campurtangan pihak Kerajaan dalam ekonomi bebas negara kita, dengan izin, Government must refrain from the interventionist role in the free enterprise economy of the country; dan
- (4) mengurangkan peraturan-peraturan dan ordinan-ordinan supaya menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Flaksibiliti dan kebebasan dalam pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu sensitif dapat membawa kesan kepada hak-hak dan kepentingan

berbagai-bagai kaum di dalam negara kita. Mengalami suatu pemikiran yang terbuka supaya mewujudkan arah-arah yang baru untuk menentukan perpaduan negara serta memperseimbangkan dan kepentingan hak-hak suku-suku kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa terdapat beberapa pandangan yang telah dihuraikan oleh saya sudah tentu menjadi bahan perbahasan. Saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, apa-apa yang dikatakan oleh saya adalah dengan hati yang ikhlas, dan tidak mempunyai tujuan-tujuan yang jahat. Saya percaya bahawa kita semua bertanggungjawab untuk mencerminkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara. Sekiranya kita tidak menunaikan tanggungjawab ini, kita sudah tentu gagal dalam tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Dewan ini serta rakyat pada keseluruhannya. Kita semua inginkan sebuah negara Malaysia yang aman dan makmur serta stabil di mana semua rakyat dapat memperoleh hasil daripada usaha-usaha mereka di mana aspirasi-aspirasi mereka dapat ditunaikan. Marilah kita bersamasama bekerja untuk mencapai matlamat ini serta berusaha untuk menentukan perpaduan negara. Kita perlu bertindak pada masa sekarang.

Dengan ini, saya ingin menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Rajoo.

5.58 ptg.

Tuan D. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keenam.

Saya berasa bangga kerana inilah pertama kalinya saya berucap di Dewan yang mulia ini. Saya mengambil kesempatan ini menjunjung duli menyembahkan ucapan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana berkenan melantik saya sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan pucuk pemimpin Parti MIC terutama sekali kepada Yang Berhormat Dato Samy Vellu kerana memberi peluang kepada saya berkhidmat untuk rakyat dan negara melalui Dewan ini. Saya juga terharu di atas kepercayaan yang diberi kepada saya atas perlantikan ini. Saya berjanji akan berkhidmat sedaya upaya saya demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang sedikit saya dilantik menjadi Ahli Dewan Negara semasa negara yang dicintai ini menghadapi berbagai masalah akibat kemelesetan ekonomi. Seperti kita sedia maklum, kemelesetan ekonomi ini bukan sahaja dihadapi oleh negara ini malah seluruh dunia. Tekanan ekonomi yang meleset ini menjejaskan pembangunan negara seluruh dunia. Akibat tekanan ekonomi ini harga barang-barang mentah keluaran Malaysia merosot di pasaran dunia. Harga kelapa sawit, getah, kayu kayan, bijih timah, semuanya turun ke paras harga yang sangat membimbangkan.

Walaupun demikian saya mengalu-alukan langkah Kerajaan menstabilkan harga barangan ini di pasaran dunia dan menggalakkan kestabilan ekonomi negara ini. Saya juga mengambil kesempatan ini

mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengambil langkah yang lebih tegas lagi untuk memulihkan paras harga yang jatuh atau sekurang-kurangnya ke tahap di mana projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham berbagai langkah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menarik lebih banyak lagi pekerja tempatan untuk bekerja di sektor perladangan dan pembinaan. Seperti kita semua sedia maklum, belia-belia kita tidak begitu berminat untuk bekerja di ladang dan sektor pembinaan kerana upah yang diberi serta fringe benefits yang diperolehi mereka itu tidaklah begitu menggalakkan. Mereka lebih yakin dan suka bekerja di pejabat dan lain-lain sektor di mana benefitnya lumayan atau sebaliknya sedia menganggur di bandaraya-bandaraya tertentu. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk memastikan tuanpunya ladang memberi layanan dan fringe benefit yang baik untuk menarik lebih banyak lagi pemuda kita berkhidmat di sektor perladangan dan pembinaan. Kemudahan perumahan yang selesa, keselamatan semasa ketidakmampuan dan keselamatan semasa bersara, kemudahan-kemudahan asas seperti api dan air hendaklah diberi oleh majikan kepada pekerja-pekerja ini. Sebahagian keuntungan yang diperolehi oleh majikan hendaklah diberi kepada pekerja melalui beberapa fringe benefit. Jika keadaan ideal ini wujud, saya percaya lebih banyak lagi pemuda kita akan berlumba bekerja di sektor-sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sektor pembinaan di mana belia-belia kita tidak begitu minat bekerja kerana upah yang diterima adalah sedikit dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Pada suatu masa dahulu beribu-ribu orang pergi ke negara

jiran kita untuk bekerja di sektor pembinaan hingga ke suatu peringkat kini negara jiran itu terpaksa mengambil tindakan untuk menghantar balik semua pekerja Malaysia di negara itu di sektor pembinaan. Jika keadaan ini boleh berlaku bagi sektor pembinaan, saya khuatir perkara begini boleh juga berlaku di lain-lain sektor di mana pekerja-pekerja kita terpaksa dihantar pulang.

Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk menstabilkan sektor pembinaan dengan perancangan yang teliti dan rapi agar belia-belia kita dapat digunakan dengan sepenuh-penuhnya di negara ini. Latihan-latihan kemahiran dan separuh kemahiran yang diberi kepada para belia kita oleh institusi-institusi pelajaran kita hendaklah digunakan bagi pembangunan di negara ini. Pekerja-pekerja yang bekerja di sektor pembinaan hendaklah diberi kemudahan yang selesa dan gaji yang lumayan. Lebih daripada itu, mereka hendaklah diberi jaminan pekerjaan yang selamat dan berpanjangan. Apa yang selalu berlaku adalah pekerja-pekerja ini ditinggalkan begitu setelah tamatnya sesuatu projek di sesuatu tempat. Kemahiran dan pengalaman mereka dibazirkan. Alangkah baiknya perkhidmatan pekerja-pekerja ini dibawa seterusnya ke lain tempat di mana projek-projek pembinaan dilaksanakan. Kerajaan hendaklah memastikan syarikat-syarikat gergasi yang terlibat dalam sektor pembinaan mengambil pekerja-pekerja mereka secara tetap bagi mengukuhkan lagi sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja begini tentunya akan menghalang pekerja-pekerja asing masuk ke negara ini bekerja di sektor perladangan dan sektor pembinaan. Pekerja-pekerja haram ini bukan sahaja melakukan berbagai aktiviti

jenayah bahkan membantu elemen-elemen anti-nasional dalam memecah-belah rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ancaman yang paling utama bagi keselamatan negara ini adalah aktiviti-aktiviti pelampau-pelampau agama. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan mengeluarkan Kertas Putih di Parlimen Malaysia untuk mendedahkan bahaya yang boleh menimpa negara kita jika sekiranya kegiatan pelampau-pelampau agama ini tidak dibendung dan dihapuskan sama sekali. Pengeluaran Kertas Putih ini adalah satu langkah yang bijak dan tepat pada waktunya untuk menghapuskan sama sekali berbagai intepretasi berkenaan dengan Peristiwa Memali itu. Kumpulan-kumpulan dan individu-individu yang menyalahgunakan serta mengeksploitasi agama, biar apa agama pun, bagi kepentingan peribadi ataupun untuk kepentingan politik singkat, hendaklah diberi tamparan hebat dan diambil tindakan dengan sekeras-kerasnya.

Sehubungan dengan ini saya mengalu-alukan tindakan Pasukan Polis dan Kerajaan dalam membanteras orang-orang terlibat ini dengan pengorbanan nyawa yang begitu sedikit berbanding dengan insiden dan penglibatan orang ramai yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang satu lagi Kertas Putih yang dibentangkan dalam Parlimen ini, iaitu Kertas Putih Skandal BMF. Tidak pernah dalam sejarah Parlimen Malaysia dua buah Kertas Putih dibentangkan dalam satu sidang. Pembentangan Kertas Putih ini menggambarkan dengan jelas betapa seriusnya Kerajaan memandangkan peristiwa-peristiwa ini. Ini menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan untuk memberitahu rakyat apa yang sebenarnya berlaku di kedua-dua insiden ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti disebut dari awal-awal lagi oleh Kerajaan, Kerajaan tidak berniat untuk menyembunyikan apa-apa pun dari rakyat berhubung dengan skandal BMF ini. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan yang mula bertindak ke atas orang-orang yang terlibat dalam skandal ini. Tindakan-tindakan perundangan sedang diambil oleh Kerajaan. Saya berharap semua yang terlibat sama ada di dalam ataupun di luar negeri lambat laun dihadapkan ke mahkamah dan dihukum sekeras-kerasnya walaupun mengambil masa bertahun-tahun. Jika perlu, akta dan undang-undang yang berkaitan dengan jenayah seperti ini yang ada pada masa ini hendaklah dipinda untuk menghukum penjenayah dengan hukuman yang lebih keras lagi agar menjadi satu pengajaran kepada orang lain. Saya mempunyai penuh kepercayaan ke atas proses perundangan negara kita bahawa penjenayah-penjenayah skandal BMF akan dihukum. Tidak seorang pun boleh lari melindungi diri selepas melakukan jenayah yang hina seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang perpaduan kaum menjadi satu isu bagi integrasi nasional. Sebagai seorang bekas Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang pernah bertugas sebagai Guru Besar selama 20 tahun, saya yakin perpaduan kaum hendaklah diwujudkan di sanubari rakyat semasa mereka di bangku sekolah lagi. Berbagai-bagai aktiviti hendaklah dirancang oleh Kementerian dengan tujuan menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Rancangan seperti Kurikulum Baru Sekolah Rendah, sekolah sebagai institusi masyarakat, Jawatankuasa Bimbingan Pelajaran Sekolah hendaklah ditubuhkan dan berfungsi dengan tujuan menyatupadukan rakyat. Guru-guru hendaklah memainkan peranan yang aktif dalam rancangan-rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya Kerajaan hendaklah diberi perhatian yang serius kepada beberapa masalah yang dihadapi oleh profesyen perguruan. Gaji dua skel iaitu gaji guru siswazah dan bukan siswazah yang diumumkan beberapa lama dahulu oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh. Dengan adanya gaji dua skel ini, saya percaya masalah guru-guru B1 yang sekian lama menjadi duri dalam daging dapat diatasi. Jika gaji dua skel dilaksanakan, guru-guru B1 akan dapat peluang naik pangkat memegang jawatan yang lebih penting lagi. Kebanyakan guru-guru B1 ini pernah berkhidmat lebih daripada 15 hingga 20 tahun dan mereka patutlah diberi peluang kenaikan pangkat. Saya berharap Kerajaan akan menimbangkan perkara ini dan melaksanakannya dengan segera.

Saya faham, dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, sebarang cadangan yang mempunyai implikasi kewangan adalah sukar bagi Kerajaan untuk melaksanakannya. Akan tetapi saya berharap Kerajaan akan mencari jalan melaksanakan gaji dua skel ini agar dapat memberi peransang dan mengelakkan frustrasi di kalangan guru-guru di negara ini.

Dengan harapan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pimpinan negara ini yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya dengan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Dengan kata-kata ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Masa masih ada lagi. Silakan Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam.

6.13 ptg.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih yang memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua dan para Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Tuhan yang maha Esa kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya memberi ucapan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beberapa perkara. Di antaranya ialah masalah pengangguran yang semakin meningkat kesan dari kelembapan ekonomi dunia. Kerajaan perlu memandang berat masalah ini dan mengambil langkah-langkah positif untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1986 merupakan tahun yang penuh cabaran. Oleh itu, Kerajaan pasti memberi keutamaan kepada projek-projek membasmi kemiskinan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kita demi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Rakyat jelata juga digesa bekerja keras demi membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek awam mempunyai erti yang lebih besar daripada ketika ekonomi pantas berkembang. Projek-projek awam bukan sahaja memenuhi permintaan rakyat, malah pembinaannya membantu mengatasi masalah pengangguran dan kekurangan kegiatan ekonomi negara kita. Penyelenggaraan lebuhraya dan penswastan mungkin memberi pekerjaan kepada kira-kira 15,000 pekerja. Ini sudah tentu akan meringankan sedikit masalah

pengangguran yang memuncak sekarang akibat kemerosotan ekonomi yang berpanjangan. Tindakan harus diambil bagi memastikan agar pekerja-pekerja menganggur terutama yang kehilangan pekerjaan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, adalah perlu mewujudkan kegiatan perladangan bercorak komersial, khususnya melalui perladangan berkelompok berdasarkan kepada pelaksanaan Dasar Pertanian Negara. Selain daripada itu, peluang dan galakan pertanian termasuk memperkemas dan memperluaskan fungsi kredit pertanian juga dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta di bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan yang lebih berkesan adalah amat baik kepada pertumbuhan ekonomi kita. Tidak berapa lama lagi dalam negara kita ada PATA Conference. Sungguhpun kita bercakap banyak atas perkara pelancongan, tetapi orang-orang daripada luar negeri yang hendak masuk ke negara kita bukanlah senang. Pejabat Imigresen memang mengambil berat tentang perkara ini kerana ini satu area atau satu faktor di mana kita boleh dapat daripada orang asing wang luar masuk ke dalam negara kita. Kita mesti memandang jauh dan bila orang daripada luar negeri datang, Kerajaan kita hendaklah beri kemudahan sedikit atas visa ini.

Bersempena dengan Persidangan PATA, Kerajaan juga diminta berusaha mencantikkan bandar-bandar dan pantai supaya menarik minat pengunjung-pengunjung. Beberapa pantai di negara kita masih terdapat dengan bot-bot yang sudah usang dan reput terbiar begitu sahaja. Ini akan mencatatkan keadaan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang mempunyai pantai yang sering dikunjungi harus berusaha ke arah menjadikannya daya tarik pelancong asing. Dengan demikian dapatlah taraf ekonomi negara kita dipertingkatkan. Industri pelancongan sekarang menjadi sumber pendapatan negara yang terpenting.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Kertas Putih mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF), sungguhpun tadi kita telah dengar daripada sahabat saya adalah suatu perkara yang amat dibanggakan. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana sanggup membentangkan Laporan Akhir Skandal BMF kepada umum dengan sikap terbuka.

Tadi kita dapat satu guni buku. Kalau hendak angkat, saya ingat kawan-kawan kena tolong kita, kalau tidak, tak boleh angkat. Lebih kurang setengah tan. Tak tahulah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada wanita, macam mana mereka boleh angkat, tetapi kita susah hendak angkat. Apa lagi hendak baca sampai habis, sampai habis umur saya, baru boleh baca habis. (*Ketawa*) Macam mana kita hendak mengambil satu keputusan atas buku ini tak tahulah, tetapi orang tak tahu macam mana mereka pergi beli buku pula. Beratus-ratus ringgit wang keluar, apa dia hendak buat. Mahu tidur atau apa pun, tak tahulah. Tetapi itulah yang orang ramai hendak beli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana sanggup membentangkan laporan akhir skandal BMF kepada umum dengan sikap terbuka. Ini benar-benar menunjukkan bahawa Kerajaan tidak berhasrat menyembunyikan kebenaran. Biasanya orang Opposition atau parti Pembangkang ada berkata ada juga Menteri-menteri kita yang ada campurtangan dalam perkara ini, berapa juta mereka sudah masuk

dalam “kocek”, macam-macam ceritanya, bukan main lagi mahu dengar perkara ini. Kita juga ingat adakah betul-betul begitu. Oleh kerana itu sekarang tukaran wang kita \$100, wang Singapura \$77 sahaja. Di samping itu oleh kerana BMF ini wang kita atau taraf wang kita sudah turunkah, siapa yang menyangka begitu—orang ramai—Rakyat semua takut apa sudah jadi dengan skandal BMF. Akhir sekali nampaknya tidak adalah, Kerajaan kita berani, rajin, dia mahu keluaran satu Kertas Putih—biarlah. Di atas perkara ini siasat, apa mahu buka—bukalah, siapa kena masuklah dalam “rumah mamak” —jaillah (*Ketawa*), bukan lain itu—boleh dapat makan free, itulah dikatakan “rumah mamak”.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, orang ramai yang benar-benar mengetahui dan mendalami masalah itu telah diberi peluang memperolehi butir-butir yang paling lengkap yang pernah dikumpulkan mengenai skandal itu dan membuat kesimpulan yang bijak.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan tidak akan meragu-ragukan lagi untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap orang-orang yang terlibat jika dibuktikan terbabit dalam Skandal BMF. Saya bagi pihak rakyat suka membawa ke dalam Dewan yang mulia ini—orang besar, orang kecil kita tidak kira siapa, yang dapat masuk dalam skandal BMF ini memanglah Kerajaan hendak ambil berat dan ambil satu keputusan terhadap orang-orang yang berkenaan iaitu jikalau orang-orang itu jika terlibat dalam Skandal BMF, dia memang kena hukuman yang berat. Itu yang mustahak, baru maruah Kerajaan kita, atau Government kita

boleh dapat nampak dalam dunia seluruhnya. Ini permintaan dari saya sendiri bagi pihak rakyat negara kita.

Kertas Putih Kerajaan mengenai Peristiwa Memali adalah juga satu hal yang telah membuka rancangan beberapa orang untuk merampas kuasa di negara ini. Saya memuji tindakan berani Kerajaan membentangkan Kertas Putih mengenainya. Kertas Putih itu telah menghuraikan latar belakang dan faktor-faktor yang mencetuskan peristiwa di Kampung Memali, Baling, Kedah yang meragut 18 nyawa. Kalau 18 orang pergi lawan untuk negara kita, kita berpuas hati, mereka jadi perwira, kita boleh beri mereka “medal”, tetapi ini bukan perkara itu. Ini tidak pakai, otak tidak “centre”—“otc” tidak betul, oleh kerana sudah jadi perkara ini. Memang ini satu penyakit dalam negara kita. Kerajaan mesti hendak ambil berat atas perkara ini. Gunakan agama—gunakan agama yang baik, siapa tidak mahu tetapi bila dia gunakan salah, jadilah begitu. Kita bayar sampai 18 nyawa—tidak tahulah apa akan jadi kalau tiada mengawal perkara ini pada masa yang akan datang banyak susah dalam negara kita ini. Peristiwa tersebut berlaku kerana ada golongan pelampau yang menggunakan isu agama bagi kepentingan sendiri. Kerajaan diminta memandang isu ini dengan serius dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah golongan pelampau yang memperlakukan isu agama.

Saya berpendapat pembentangan kedua-dua Kertas Putih ini menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan Kerajaan untuk menjelaskan kedudukan kedua-dua isu berkenaan. Dengan demikian lebih ramai rakyat akan memahami masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku di Sabah adalah masalah politik yang sebenarnya. Polis di Sabah telah mencuba dengan sedaya

upaya untuk mencegah rusuhan, tetapi malangnya keadaan di situ telah menjadi tegang dan beberapa letupan bom telah berlaku. Akibat darinya perintah berkurung telah dikenakan. Kerajaan bukan sahaja mengutuk mereka yang tidak bertanggungjawab bahkan juga mengambil tindakan tegas terhadap tokoh-tokoh politik yang didapati tidak bertanggungjawab dalam letupan-letupan itu ataupun tunjuk perasaan secara haram.

Ada kemungkinan peristiwa di Sabah itu akan menjejaskan perkembangan ekonomi, pelancongan dan pelabur akan bimbang untuk ke sana kerana keselamatan mereka tidak terjamin. Peristiwa-peristiwa buruk itu telah memalukan Sabah. Ramai pelancong dan pelabur akan menganggap Sabah sebagai sarang penjenayah dan penjahat. Peristiwa itu menunjukkan seolah-olah pemimpin-pemimpin politik Sabah mengutamakan kepentingan diri sendiri daripada kepentingan rakyat dan negara kita. Mereka yang melakukan letupan itu patut dikutuk dan boleh dianggap sebagai golongan anti-nasional yang mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran Rancangan Malaysia Kelima oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita, telah disambut dengan baik. Rancangan Malaysia Kelima memberi penekanan kepada usaha memerangi kemiskinan di kawasan luar bandar di samping menggalak pertumbuhan ekonomi negara. Ramai menganggap Rancangan Malaysia Kelima adil dan saksama. Saya bersetuju dengan seruan Kerajaan supaya rakyat menukar sikap ke arah bekerja keras dalam menghadapi masalah ekonomi di negara kita dalam masa lima tahun yang akan datang. Konsep penswastaan dan persyarikatan Malaysia hendaklah digalakkan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta maaf, masa kita telah cukup, Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada esok hari.

Dato G. Pasamanickam: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 8hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.